



Duti Setem
DIBAYAR

SIMPAN SSPN PLUS

NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK	: SS001, SS002, SS003 & SS004
TARIKH KELUARAN	: 03-09-2021
TARIKH PERMULAAN SIJIL	: 03-09-2021
PEMEGANG SIIL INDUK/PEMILIK SIJIL	: PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)
ALAMAT PEMEGANG SIIL INDUK/ ALAMAT PEMILIK SIJIL	: TINGKAT BAWAH, MENARA PTPTN, BLOK D, MEGAN AVENUE II, NO. 12 JALAN YAP KWAN SENG, 50450 KUALA LUMPUR
TARIKH PERMOHONAN	: 03-09-2021
PENGENDALI TAKAFUL	: GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

Penyertaan dalam Skim Takaful ini, tertakluk kepada pembayaran Caruman oleh PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN) (selepas ini dirujuk sebagai “Pemegang Sijil Induk”), kami, GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD (selepas ini dirujuk sebagai “Pengendali Takaful” atau “Kami), sebagai pengurus kepada Dana Takaful dengan ini bersetuju untuk membayar bagi pihak Pemegang Sijil Induk, manfaat dari Dana ‘Tabarru’ menurut Sijil Induk Berkelompok ini berhubung dengan setiap Orang yang Dilindungi (seperti yang ditakrifkan dalam perjanjian ini) menurut dan tertakluk kepada peruntukan Sijil Induk Berkelompok ini.

Adalah dengan ini diisyiharkan dan dipersetujui bahawa perlindungan di bawah Sijil Induk Berkelompok ini diberikan atas dasar dan pergantungan kepada pernyataan, representasi dan maklumat yang diberikan dan/atau akan diberikan kepada kami oleh Pemegang Sijil Induk dan setiap Orang yang Dilindungi dan jika mana-mana pernyataan, representasi dan maklumat didapati palsu atau tidak benar, kami berhak untuk tidak membayar apa-apa manfaat yang dinyatakan di sini. Begitu juga, kami mempunyai hak yang sama sekiranya pernyataan, representasi dan maklumat yang sepatutnya diberikan kepada kami tidak diberikan dengan sewajarnya.

PADA PENYAKSIAN INI, Pengendali Takaful telah membuat Sijil Induk Berkelompok ini akan dilaksanakan dan berkesan selaras dengan terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Shahru Azlan".

SHAHRUL AZLAN BIN SHAHRIMAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

PERNYATAAN MAKLUMAT SIJIL

Pemegang Sijil Induk yang dihormati,

Terima kasih kerana memilih Sijil ini. Ia merupakan suatu produk jaminan kewangan yang telah disediakan mengikut keperluan semasa anda.

Anda akan mendapati bahawa maklumat berikut dapat membantu pada masa hadapan. Ia menunjukkan, yang mana berkenaan, peruntukan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Semua pernyataan dan representasi (jika ada) yang dibuat oleh Pengendali Takaful dalam Pernyataan Maklumat Sijil ini dilakukan dengan niat ikhlas berdasarkan pengetahuan Pengendali Takaful yang sewajarnya sehingga Tarikh Keluaran dan Pengendali Takaful tidak mengaku mahupun bertanggungjawab ke atas apa jua ketepatan maklumat ini dan/atau mana-mana serta semua perubahan atau pindaan selanjutnya terhadap mana-mana undang-undang, peraturan atau amalan yang berkaitan dan menjelaskan kesahihan atau ketepatannya. Anda hendaklah sentiasa mendapatkan nasihat bebas daripada peguam bela Syariah atau peguam cara dan/atau perunding cukai untuk memastikan hak dan kelayakan anda di bawah atau yang berhubung dengan Sijil ini sebelum membuat sebarang keputusan.

BUKTI UMUR

Bukti umur diperlukan sebelum sebarang manfaat boleh dibayar. Tolong tunjukkan salah satu daripada dokumen asal berikut di mana-mana pejabat Kami seperti yang disenaraikan pada laman web Kami www.greateasterntakafulcom.

- Kad Pengenalan • Sijil Kelahiran • Pasport Antarabangsa • Sijil Kerakyatan

PENAMAAN

Jika penamaan diguna pakai dan umur Orang yang Dilindungi 16 tahun dan ke atas, Orang yang Dilindungi boleh menamakan seorang atau lebih individu untuk menerima manfaat Takaful yang akan dibayar apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia, sama ada sebagai seorang Wasi, atau sebagai seorang beneficiari di bawah *Hibah Bersyarat*. Borang penamaan boleh didapati di laman web PTPTN.

PERTUKARAN ALAMAT

Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi hendaklah memberitahu Kami secara bertulis berkenaan sebarang pertukaran alamat kerana ia penting bagi memastikan Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi menerima surat atau notis dan sebagainya daripada Kami. Sebarang pertukaran alamat penama Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi juga perlu diberitahu kepada Kami bagi memudahkan urusan bayaran tuntutan.

NILAI SERAHAN

Takaful Keluarga adalah keselamatan kewangan. Bila Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi mendapatkannya, Pemegang Sijil Induk dinasihatkan untuk meneruskan penyertaan. Sebarang perubahan kesihatan atau keadaan mungkin bermaksud salah satu daripada dua perkara untuk Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi atau keluarga anda:

- Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi mungkin tidak akan mendapat perlindungan Takaful Keluarga; atau
- Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi mungkin terpaksa membuat caruman lebih untuk perlindungan yang sama

Jadi, Pemegang Sijil Induk hendaklah sentiasa membuat pembayaran Caruman dengan tepat. Sijil Pemegang Sijil Induk adalah harta anda. Sekiranya Sijil diserahkan, Pemegang Sijil Induk mungkin menerima kurang daripada jumlah yang Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi carum. Walau bagaimanapun, Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi boleh menyerahkan Sijil untuk Nilai Tunai selagi ada jumlah di dalam Akaun Individu Peserta di bawah Sijil anda. **Ianya mungkin tidak baik untuk menyerahkan kembali atau menggantikan Sijil Anda dengan yang baru kerana kos permulaan yang tinggi.** Sila rujuk kepada ejen perkhidmatan atau menelefon talian Careline Kami sebelum membuat keputusan.

PEMBAYARAN CARUMAN

Kami hendaklah menetapkan Caruman mingguan/ bulanan yang perlu dibayar sebagai Perlindungan Takaful untuk Orang yang Dilindungi melalui cek atau cara pembayaran lain yang ditetapkan oleh Kami mengikut budi bicara Kami. Bayaran Caruman adalah secara tetap dan pada waktunya kerana kegagalan untuk membayar caruman boleh menjelaskan pembayaran manfaat Orang yang Dilindungi.

Apabila membayar caruman, sila pastikan Pemegang Sijil Induk mendapat bukti bayaran dan hantar kepada kami beserta dengan fail data bayaran. Sila ambil perhatian bahawa resit hanya dikeluarkan atas permintaan.

Jumlah caruman dan jenis bayaran caruman bagi sijil Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi serta sebarang manfaat tambahan yang dilampirkan dengan sijil akan dinyatakan dalam Sijil ini. Jika Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi ingin menukar jenis bayaran caruman, Pemegang Sijil Induk hendaklah memaklumkan kepada Kami secara bertulis sebelum tarikh Caruman perlu dibayar dan Pemegang Sijil Induk akan dinasihatkan sewajarnya.

TEMPOH MEMERHATI BEBAS

Orang yang Dilindungi boleh membatalkan Sijil Takaful dalam masa lima belas (15) hari setelah tarikh Sijil Takaful dikeluarkan, melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan membayar balik dengan serta-merta apa-apa caruman yang telah dibayar berkenaan dengan Sijil ini tertakluk hanya kepada potongan perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan Orang yang Dilindungi, yang mana Sijil ini hendaklah disifatkan terbatal dan liabiliti Kami di bawahnya akan terhenti.

PENYERAHAN TUNTUTAN

Untuk membuat tuntutan, sila tulis kepada Kami dengan segera atau secepat mungkin setelah berlakunya kejadian tuntutan yang sah dan serahkan semua dokumen dan borang-borang berkaitan yang diperlukan untuk tuntutan Pemegang Sijil Induk di bawah Sijil ini. Borang tuntutan boleh didapati daripada laman web Kami. Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat.

PENYERTAAN BERKENAAN SIJIL PEMEGANG SIJIL INDUK

Pemegang Sijil Induk boleh menghubungi mana-mana pejabat Kami yang tersenarai di laman web Kami di www.greateasterntakaful.com atau menghubungi pejabat Kami seperti yang dinyatakan di bawah untuk sebarang pertanyaan mengenai Sijil Pemegang Sijil Induk semasa waktu pejabat kami dari jam 8.30 pagi hingga 5.15 petang dengan menyatakan nombor Sijil Pemegang Sijil Induk atau nombor rujukan Kami.

Bisnes Korporat Takaful,

Great Eastern Takaful Berhad, Tingkat 3, Menara Great Eastern, 303, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

No. Telefon : (603) 4259 8338

No. Fax : (603) 4259 8808

Emel : GETCORP@greateasterntakaful.com

Laman Web : www.greateasterntakaful.com

UNIT PERKHIDMATAN PELANGGAN

Sebarang maklum balas yang berkaitan dengan Sijil Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi boleh dibuat kepada Unit Perkhidmatan Pelanggan Kami:

Unit Perkhidmatan Pelanggan,

Great Eastern Takaful Berhad, Tingkat 3, Menara Great Eastern, 303, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

No. Careline : 1 300 13 8338

No. telefon : (603) 4259 8181 Ext: 8380/6392

No. Faks : (603) 4259 8808

Emel : cfu@greateasterntakaful.com

Laman Web : www.greateasterntakaful.com

Sekiranya Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi tidak berpuas hati dengan respons Kami, Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi boleh merujuk kepada Ombudsman for Financial Services atau BNMLINK atau BNMTELELINK Bank Negara Malaysia.

OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN atau BIRO PERKHIDMATAN PELANGGAN, BANK NEGARA MALAYSIA

Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi boleh membuat atau mengemukakan aduan anda kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) atau BNMLINK atau BNMTELELINK Bank Negara Malaysia dalam tempoh enam (6) bulan dari keputusan Unit Perkhidmatan Pelanggan Kami. Sila hubungi Unit Perkhidmatan Pelanggan Kami untuk bantuan lebih lanjut atau jika Pemegang Sijil Induk/ Orang yang Dilindungi memerlukan penjelasan mengenai perkara di atas. Berikut adalah butir-butir untuk menghubungi OPK atau BNM:-

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan

No. 4, Tingkat 14, Main Block Menara Takaful Malaysia, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
No. Telefon : (603) 2272 2811
No. Faks : (603) 2272 1577
Laman Web : www.ofs.org.my

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) (Walk-in Customer Service Centre)
Ground Floor, D Block. Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)

Corporate Communication Department, Bank Negara Malaysia, P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
No. Telefon : 1 300 88 5465; Overseas: (603) 2174 1717
No. Faks : (603) 2174 1515
Emel : bnmteleirrnk@bnm.gov.my

HAK ISTIMEWA DAN SYARAT

GLOSARI (Fasal 1)

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

Dalam Sijil ini, dimana konteks membenarkan, lelaki akan termasuk wanita, dan begitu juga, perkataan tunggal akan termasuk perkataan jamak dan begitu juga sebaliknya, dan perkataan serta ungkapan berikut akan mempunyai maksud berikut melainkan dinyatakan sebaliknya:-

“Kemalangan” bermaksud kejadian yang menyebabkan kecederaan kepada Orang yang Dilindungi yang disebabkan semata-mata dan secara langsung kerana kemalangan, keganasan, secara luaran dan ketara yang mana bebas daripada mana-mana sebab lain (kecuali lemas atau kecederaan dalam yang disahkan melalui autopsi) apabila terdapat lebam atau luka yang ketara pada bahagian luaran badan.

“Aktiviti Kehidupan Harian” bermaksud semua yang berikut:

(a) Pemindahan

Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.

(b) Pergerakan

Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.

(c) Pengawalan buang air besar/kecil

Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing dengan voluntari untuk menjaga kebersihan diri.

(d) Berpakaian

Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan daripada orang lain.

(e) Mandi/Membasuh

Keupayaan untuk membasuh atau mandi di bilik air (termasuk masuk dan keluar dari bilik air) atau membasuh diri dengan sebarang cara lain.

(f) Makan

Semua langkah untuk memasukkan makanan ke dalam tubuh apabila ia telah disediakan.

“Jumlah Perlindungan Asas” bermaksud jumlah Perlindungan Takaful bagi Manfaat Kematian dan Manfaat HUPK yang dibayar dari Dana Tabarru' seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful atau sebarang endorsmen yang dikeluarkan oleh Kami.

“Nilai Tunai” bermaksud baki dalam PIA bagi Sijil ini.

“Kejadian yang Dilindungi Kategori I” bermaksud kejadian yang dinamakan sebagai Serangan Jantung, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Kanser, Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama, Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serius seperti yang dinyatakan dan didefinisikan dalam Fasal 24 di bawah.

“Kejadian yang Dilindungi Kategori II” bermaksud kejadian yang dinyatakan dan didefinisikan dalam Fasal 24 di bawah selain daripada kejadian yang diklasifikasikan di bawah Kejadian yang Dilindungi Kategori I.

“Sijil” bermaksud Sijil Induk Berkelompok ini dan termasuk Hak Istimewa dan Syarat, Jadual Sijil Induk, Sijil Takaful, Aneksur, Endorsmen atau jadual, borang permohonan/cadangan dan apa-apa borang atau kenyataan/ pengisyntiharan yang ditandatangani oleh Orang yang Dilindungi atau Pemegang Sijil Induk, yang secara kolektif merupakan dan membentuk keseluruhan sijil Takaful dalam perjanjian ini.

“Ulang Tahun Sijil” bermaksud ulang tahun Tarikh Permulaan Sijil.

“Tarikh Permulaan Sijil” bermaksud Tarikh yang dinyatakan dalam Sijil, yang merupakan tarikh permulaan di antara Kami dan Pemegang Sijil Induk

“Anak” bermaksud anak/kanak-kanak sah bagi Orang yang Dilindungi yang belum berkahwin dan bergantung kewangan kepada Orang yang Dilindungi, berumur di antara satu (1) hari umur yang dicapai hingga dua puluh sembilan (29) tahun hari lahir berikutnya dan layak mendapat Manfaat Ihsan di bawah Sijil ini.

“Pakar Perunding Neurologi” bermaksud seorang Pengamal Perubatan yang diperakui dalam neurologi dan seorang Fellow daripada Persatuan Neurologi sama ada di United Kingdom, Amerika, Kanada atau Australia.

“Caruman/ Sumbangan Takaful” bermaksud Caruman/ Sumbangan Takaful yang dibayar oleh atau bagi pihak kepada Orang yang Dilindungi seperti yang dinyatakan dalam Sijil Takaful atau mana-mana endorsmen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.

“Kejadian yang Dilindungi” bermaksud sebarang kejadian yang dinyatakan dan ditakrifkan dalam Definisi Kejadian yang Dilindungi di dalam Jadual Manfaat dan Pengecualian di bawah Sijil ini.

“Ahli yang Dilindungi” bermaksud Ahli yang berkenaan dengan Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini yang telah berkuat kuasa dan Sijil Takaful telah dikeluarkan.

“Diagnosis” bermaksud diagnosis sahih yang dibuat oleh Pengamal Perubatan atau Pakar Perunding Neurologi, berdasarkan bukti tertentu, yang merujuk kepada takrif Kejadian yang Dilindungi tertentu yang terlibat atau, jika ketiadaan bukti tertentu itu, berdasarkan bukti radiologi, klinikal, histologi atau makmal yang diterima oleh Kami.

Diagnosis sedemikian mesti disokong oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami yang akan memberi pendapatnya berdasarkan bukti perubatan yang diserahkan oleh orang yang menuntut dan/atau sebarang bukti tambahan yang mungkin diperlukan olehnya.

“Tarikh Berkuat Kuasa” bermaksud tarikh yang ditunjukkan dalam Sijil Takaful, apabila perlindungan Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini telah berkuat kuasa.

“Endorsmen” bermaksud suatu endorsmen bertulis atau perubahan maklumat, hak istimewa dan syarat Sijil ini. Endorsmen bagi Sijil ini mesti dikeluarkan oleh Kami mengikut budi bicara Kami dari semasa ke semasa.

“Tarikh Tamat Tempoh” bermaksud tarikh seperti yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful yang mana Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi akan terhenti.

“Hospital” bermaksud hanya sebuah pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan dengan sepatutnya sebagai hospital untuk jagaan dan rawatan orang sakit serta cedera sebagai pesakit atas katil berbayar dan yang:-

- (a) mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama,
- (b) memberi khidmat kejururawatan 24 jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan bertauliah,
- (c) berada di bawah penyeliaan seorang Pakar Perubatan, dan
- (d) pada dasarnya bukan sebuah Klinik; satu tempat bagi pemabuk atau penagih dadah; sebuah rumah jagaan, rehat atau pemulihan atau rumah warga tua atau pertubuhan yang serupa.

“Hibah” bermaksud hadiah dan konsep ini digunakan apabila Kami memberi manfaat dari Dana Pengendali Takaful kepada Peserta.

“Kecederaan” bermaksud kecederaan badan yang disebabkan semata-mata oleh Kemalangan.

“Kerugian/Keuntungan Pelaburan” bermaksud kerugian atau keuntungan yang terhasil daripada pengurusan pelaburan untuk Dana *Tabarru’* dan Akaun Individu Peserta dalam sekuriti dan aktiviti yang berlandaskan Syariah.

“Ju’alah” bermaksud saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Pemegang Sijil Induk akan berkongsi Lebihan Pengunderitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

“Kehilangan” bermaksud:-

- (a) putus anggota badan yang tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan di bawah Sijil Tambahan ini; atau
- (b) hilang kegunaan anggota badan atau fungsi yang tertentu seperti yang dinyatakan dalam Jadual Pampasan di bawah Sijil Tambahan ini secara penuh dan tidak dapat dipulihkan (“Hilang Kegunaan”), mengikut kes yang berkenaan.

“Hilang Kegunaan” bermaksud hilang kegunaan anggota badan atau fungsi yang tertentu secara penuh dan tidak dapat dipulihkan; atau putus anggota badan yang tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pampasan.

Bagi mengelakkan keraguan, Hilang Kegunaan bagi Orang yang Dilindungi mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar yang dilantik oleh Kami, untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya. Bukti berdokumen yang memuaskan mestilah diberi kepada Kami untuk membuktikan hilang upaya tersebut telah berterusan pada masa pembayaran pendahuluan tahunan yang pertama dan pada setiap pembayaran pendahuluan tahunan yang seterusnya.

Apa sahaja bentuk hilang upaya kekal perlu dinilai oleh Kami mengikut budi bicara Kami, dan manapun bahagian daripada Jumlah Perlindungan yang perlu dibayar adalah mengikut kadar pampasan yang dicadangkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar yang dilantik oleh Kami sebagai konsisten dengan kadar pampasan yang dikenakan seperti yang terdapat di dalam Jadual Pampasan.

“Pengamal Perubatan” bermaksud seorang pakar bedah atau pakar perubatan yang mempunyai kelayakan ijazah dalam perubatan barat, mempunyai lesen sah di sisi undang-undang dan berkelayakan dengan sepatutnya untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan yang dibenarkan dalam kawasan geografi amalannya, dan juga mempunyai Sijil Amalan Tahunan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia, tetapi tidak termasuk Orang yang Dilindungi dan Pasangan atau keluarga terdekat Orang yang Dilindungi.

“Perlu Dari Segi Perubatan” bermaksud satu khidmat perubatan yang:-

- (a) konsisten dengan diagnosis dan rawatan perubatan yang biasa untuk satu hilang upaya yang dilindungi, dan

- (b) menurut standard amalan perubatan yang baik, konsisten dengan standard rawatan perubatan profesional semasa, dan manfaat perubatan yang terbukti, dan
- (c) bukan untuk memberi kemudahan kepada Orang yang Dilindungi atau Pengamal Perubatan, dan tidak munasabah untuk dijalankan di luar hospital (jika dimasukkan sebagai Pesakit Dalam), dan
- (d) bukan bersifat percubaan, penyiasatan atau penyelidikan, bersifat pencegahan atau pemeriksaan, dan
- (e) bayarannya adalah berpatutan serta munasabah dan biasa untuk hilang upaya.

"Ahli" bermaksud seseorang yang diperkenalkan oleh Pemegang Sijil Induk kepada Kami serta layak menyertai Sijil ini.

"Salah Nyata" bermaksud definisi seperti yang dinyatakan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuk salah nyata yang ikhlas, melulu atau sengaja.

"Mudharabah" bermaksud Kami, bertindak sebagai usahawan (*Mudharib*) yang menguruskan dana yang dikumpul berdasarkan mandat pelaburan dengan satu set panduan etika yang telah ditetapkan dan Pemegang Sijil Induk sebagai pemilik modal (*Rabbul MaI*). Kami akan berkongsi keuntungan dengan Pemegang Sijil Induk diatas pulangan pelaburan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui manakala sebarang kerugian pelaburan ditanggung Pemegang Sijil Induk.

"Hilang Upaya Separa dan Kekal" bermaksud hilang upaya separa dan kekal yang berpunca daripada sebab-sebab semulajadi yang menghalang Orang yang Dilindungi daripada melakukan satu atau lebih tugasannya pekerjaannya.

Bagi tujuan manfaat ini, perkataan "kekal" bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan terkini semasa penyerahan tuntutan. Kerosakan fungsi kekal akibat daripadanya hendaklah disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar dan dipersetujui dengan sepatutnya oleh pegawai perubatan Kami.

"Pemegang Sijil Induk" bermaksud Peserta/Pemilik Sijil seperti yang dinyatakan dalam Sijil ini.

"Akaun Individu Peserta" atau **"PIA"** bermaksud akaun yang mana caruman Pemegang Sijil Induk dan lebihan dan/atau keuntungan yang timbul di bawah Sijil ini akan diperuntukkan bagi tujuan simpanan.

"Orang yang Dilindungi" bermaksud Ahli yang Dilindungi di bawah Sijil ini.

"Data Peribadi" bermaksud sebarang maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan Pemegang Sijil Induk dan meluas kepada mana-mana individu yang data peribadinya telah diberikan oleh Pemegang Sijil Induk, yang dikenal pasti atau dikenali dari maklumat tersebut atau dari itu dan maklumat lain yang dimiliki oleh Kami, termasuk sebarang data peribadi yang sensitif dan ungkapan pendapat mengenai Pemegang Sijil Induk dan individu. Secara jelasnya, data peribadi Pemegang Sijil Induk mungkin telah diberikan kepada Kami oleh pihak ketiga yang berkuasa.

"Tempoh Perlindungan" bermaksud perlindungan bermula pada Tarikh Permulaan Sijil atau mana-mana Ulang Tahun Sijil dan berakhir pada hari sebelum Ulang Tahun Sijil pertama atau Ulang Tahun Sijil yang berikutnya, mengikut kes yang berkenaan.

"Penyakit Sedia Ada" bermaksud apa-apa penyakit atau hilang upaya yang Orang yang Dilindungi mempunyai pengetahuan yang munasabah sebelum Tarikh Permulaan. Seseorang Orang yang Dilindungi boleh dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah terhadap Penyakit Sedia Ada bagi satu keadaan yang mana:

- (a) Orang yang Dilindungi telah atau sedang menerima rawatan; atau
- (b) nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan yang telah disyorkan; atau
- (c) gejala yang jelas dan terang atau yang telah nyata; atau
- (d) kewujudannya adalah jelas kepada orang yang waras dalam keadaan itu.

"Pengangkutan Awam" bermaksud pesawat komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa atau pengangkutan awam komersial berlesen (terhad kepada kenderaan dan kereta api yang beroperasi di atas jalan raya dan landasan sahaja) melalui laluan yang ditetapkan dengan jadual tetap seperti bas, kereta api atau monorel. Kereta kabel, teksi, kereta sewa atau sebarang bentuk pengangkutan yang disewa bagi perjalanan persendirian adalah dikecualikan.

"Qard" bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. Qard tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

"Penyakit Tertentu/Khusus" bermaksud hilang upaya berikut dan komplikasi yang berkaitan dengannya di bawah Manfaat Elaun Kemasukan Hospital, yang berlaku dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari pertama dari perlindungan Takaful:

- (a) Hipertensi, diabetes melitus dan penyakit kardiovaskular; atau
- (b) Semua tumor, kanser, sista, nodul, polip, batu dalam sistem perkumuhan dan biliar; atau
- (c) Semua penyakit telinga, hidung (termasuk sinus) dan tekak, tidak termasuk flu dan sakit tekak; atau
- (d) Hernia, hemoroid, fistula, hidrosel, varikosele; atau
- (e) Endometriosis termasuk penyakit sistem pembiakan; atau
- (f) Gangguan spinal vertebro (termasuk disk) dan penyakit lutut.

“Pasangan” bermaksud pasangan suami isteri yang sah dari Orang yang Dilindungi yang layak mendapat Manfaat Ihsan di bawah Sijil ini.

“Jumlah Perlindungan” bermaksud Jumlah Perlindungan yang mana Dana *Tabarru’* adalah pada risiko. Jumlah Perlindungan dinyatakan sebagai Jumlah Perlindungan Permulaan di dalam Sijil Takaful pada Tarikh Berkuat kuasa.

“Tabarru’” bermaksud bahagian Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru’* sebagai derma yang Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta-peserta/Orang yang Dilindungi yang memerlukan.

“Dana Tabarru’” bermaksud sejumlah dana terkumpul yang ditubuhkan untuk tujuan perpaduan dan kerjasama di antara peserta-peserta dan/atau Orang yang Dilindungi yang digunakan untuk menolong peserta-peserta dan/atau Orang yang Dilindungi sekiranya terjadi musibah melalui tuntutan pembayaran manfaat Takaful.

“Sijil Takaful” bermaksud Sijil yang di keluarkan kepada Orang yang Dilindungi bergantung kepada terma dan keadaan sijil.

“Perlindungan Takaful” bermaksud SIMPAN SSPN PLUS ini dan Perlindungan Takaful lain yang boleh dilanjutkan kepada Orang yang Dilindungi.

“Pengendali Takaful” atau **“Kami”** bermaksud Great Eastern Takaful Berhad.

“Hilang Upaya Separa yang Sementara” bermaksud hilang upaya sementara, separa dan berterusan yang menghalang Orang yang Dilindungi daripada melakukan satu atau lebih tugas daripada pekerjaannya dari tarikh Kecederaan atau dari akhir tempoh Hilang Upaya Penuh yang Sementara seperti ditakrifkan dalam Seksyen ini.

“Hilang Upaya Penuh yang Sementara” bermaksud hilang upaya sementara, penuh dan berterusan yang menghalang Orang yang Dilindungi daripada melakukan sebarang dan setiap tugas daripada pekerjaannya dari tarikh Kecederaan.

“Tarikh Penamatan” bermaksud Tarikh Luput bagi Sijil Takaful.

“Penyakit Terminal” bermaksud keadaan yang dideritai Orang yang Dilindungi, dimana pada pandangan Pengamal Perubatan akan menyebabkan kematian dalam masa dua belas (12) bulan dari diagnosis penyakit. Orang yang Dilindungi mestilah tidak menerima rawatan yang aktif selain daripada melegakan kesakitan.

“Hilang Upaya Penuh dan Kekal” atau **“HUPK”** bagi Orang yang Dilindungi berumur enam belas (16) tahun hari lahir berikutnya dan ke atas, bermaksud satu keadaan ketidakupayaan yang:

- (a) menjadi penuh dan kekal sepanjang masa pada atau selepas berlakunya keadaan demikian, tiada sebarang kerja, pekerjaan atau profesion yang boleh dilakukan atau diikuti oleh Orang yang Dilindungi dengan secukupnya untuk memperoleh atau mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan; atau
- (b) disebabkan mana-mana yang berikut:
 - (i) hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara penuh dan tidak boleh dipulihkan; atau
 - (ii) hilang penggunaan kedua-dua belah anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara penuh dan tidak boleh dipulihkan; atau
 - (iii) hilang penglihatan sebelah mata dan hilang penggunaan satu anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara penuh dan tidak boleh dipulihkan; atau
- (c) menyebabkan Orang yang Dilindungi hilang upaya sedemikian rupa sehingga tidak boleh melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian yang disenaraikan secara penuh dan kekal walaupun dengan menggunakan perkakas mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan alat adaptasi lain yang digunakan untuk orang yang hilang upaya.

Untuk tujuan manfaat ini, perkataan “kekal” bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa penerimaan tuntutan. Kerosakan fungsi kekal akibat daripadanya hendaklah disahkan oleh Pengamal Perubatan dan dipersetujui dengan sepakutnya oleh pegawai perubatan Pengendali Takaful.

“Lumpuh Keseluruhan” bermaksud hilang penggunaan penuh dan kekal kedua-dua anggota badan akibat lumpuh disebabkan oleh kecederaan yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh Kemalangan/Kehilangan.

“Tempoh Menunggu Jenis I” yang hanya digunakan untuk Kejadian yang Dilindungi Kategori I bermaksud enam puluh (60) hari pertama dari Tarikh Berkuat kuasa. Bagi mengelakkan keraguan, apabila Sijil ini diperbaharui bagi perlindungan yang berterusan, Tempoh Menunggu Jenis I adalah enam puluh (60) hari dari Tarikh Berkuat kuasa yang pertama (1) dari Sijil ini dilampirkan.

“Tempoh Menunggu Jenis II” yang hanya digunakan untuk Kejadian yang Dilindungi Kategori II bermaksud tiga puluh (30) hari pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Rider ini. Bagi mengelakkan keraguan, apabila Sijil ini diperbaharui bagi perlindungan yang berterusan, Tempoh Menunggu Jenis II adalah tiga puluh (30) hari dari Tarikh Berkuat kuasa yang pertama (1) dari Sijil ini dilampirkan.

“Lebihan Pengunderaitan” bermaksud lebihan dalam Dana *Tabarru’* selepas tolakan tuntutan dan untuk tujuan simpanan, jika ada.

“**Tempoh Menunggu**” bermaksud tiga puluh (30) hari dari Tarikh Berkuat kuasa bagi Manfaat Elaun Kemasukan Hospital dan Manfaat Penyakit Kritikal dan enam puluh (60) hari bagi sebarang Kejadian yang Dilindungi bermaksud Tempoh Menunggu Jenis I jika Kejadian yang Dilindungi dikelaskan di bawah Kejadian yang Dilindungi Jenis I atau tiga puluh (30) hari bagi sebarang Kejadian yang Dilindungi bermaksud Tempoh Menunggu Jenis II jika Kejadian yang Dilindungi dikelaskan di bawah Kejadian yang Dilindungi Jenis II. Setiap kali Sijil Takaful dikuatkuasakan semula setelah luput, Tempoh Menunggu yang baru akan dikenakan dari tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful.

“**Wakalah**” bermaksud kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* (atau “**Caj Pendahuluan**” atau “**Caruman yang Tidak Diperuntukkan**”) yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar, di mana Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada PIA.

Jika tidak diberi secara khusus, tafsiran berikut akan digunakan pada Sijil ini:

- 1.1 Mana-mana rujukan kepada satu “hari perniagaan” adalah satu hari (yang bukan hari Sabtu, Ahad atau Cuti Umum di Kuala Lumpur, Malaysia) yang mana Ibu Pejabat Kami dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan mana-mana rujukan kepada satu “hari”, “minggu”, “bulan” atau “tahun” adalah hari, minggu, bulan atau tahun yang menurut kalendar Gregorian.
- 1.2 Semua jadual, Aneksur, Endorsemen dan lampiran pada Sijil ini akan membentuk sebahagian daripada Sijil ini. Tetapi sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara jadual, Aneksur atau lampiran pada Sijil ini dengan Endorsmen atau Hak Istimewa dan Syarat, Endorsmen atau Hak Istimewa dan Syarat (mana yang berkenaan), akan diguna pakai. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara Endorsmen dan Hak Istimewa dan Syarat, Endorsmen tersebut akan diguna pakai.
- 1.3 Sebarang rujukan pada maskulin adalah termasuk feminin, dan begitu juga, perkataan tunggal akan termasuk perkataan jamak dan begitu juga sebaliknya, melainkan dinyatakan sebaliknya.

PERUNTUKAN AM (Fasal 2-8)

2. SIJIL INDUK BERKELOMPOK

- 2.1 Sebelum Tarikh Permulaan Sijil, Pemegang Sijil Induk hendaklah menyediakan semua maklumat dan bukti yang diperlukan kepada Kami berhubung dengan sebarang perkara yang berkaitan dengan permohonan suatu Perlindungan Takaful. Semua dokumen yang disediakan kepada Pemegang Sijil Induk oleh mana-mana Orang yang Dilindungi berhubung dengan permohonan Perlindungan Takaful, dan semua rekod serta dokumentasi yang mungkin memberi tanggungan ke atas Sijil ini hendaklah sedia didapati oleh Pemegang Sijil Induk untuk pemeriksaan oleh Kami pada bila-bila masa.
- 2.2 Orang yang Dilindungi dan Pemegang Sijil Induk hendaklah menyediakan semua pernyataan dan maklumat yang mungkin diperlukan oleh Kami.
- 2.3 Jawapan yang diberi oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi dalam permohonan atau sebarang soal selidik selanjutnya yang disediakan oleh Kami berkenaan sebarang perkara berkaitan permohonan Takaful dan sebarang pendedahan yang Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi lakukan sepanjang waktu penghantaran sehingga waktu Perlindungan Takaful ini berkuat kuasa; dan
- 2.4 Laporan perubatan dan sebarang laporan serta soal selidik lain;
(secara kolektif dirujuk sebagai “Maklumat Penting”).
 - 2.4.1 Maklumat Penting tersebut akan membentuk sebahagian daripada kontrak Takaful ini antara Kami dan Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi. Namun, jika sebarang Salah Nyata dilakukan sebelum kontrak dibuat berhubung dengan Maklumat Penting tersebut, remedii dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan digunakan.
 - 2.4.2 Ia merupakan tanggungjawab Orang yang Dilindungi dan Pemegang Sijil Induk untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak melakukan sebarang Salah Nyata semasa menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya sebelum Sijil ini diperbarui atau diubah. Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi mestilah memaklumkan kepada Kami berkenaan sebarang perubahan maklumat yang diberi dalam jawapan Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi atau berhubung sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya kepada Kami berkaitan Sijil ini jika perubahan tersebut berlaku selepas Pemegang Sijil Induk menghantar permohonan untuk pembaharuan atau pengubahan tetapi sebelum Sijil ini diperbarui atau diubah.

- 2.5 Semua Caruman yang perlu dan hendaklah dibayar di bawah Sijil ini mestalah dibayar dalam Ringgit Malaysia oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi, mengikut kes yang berkenaan, secara terus kepada Kami.
- 2.6 Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi hendaklah membayar Caruman/Sumbangan Takaful kepada Kami secara potongan dari bank, potongan gaji atau jenis bayaran lain yang ditentukan oleh Kami mengikut budi bicara Kami. Jika Orang yang Dilindungi bukan lagi seorang Ahli, semua Caruman/Sumbangan Takaful yang perlu dan hendaklah dibayar bagi Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi mestalah dibayar kepada Kami secara potongan dari bank atau jenis bayaran lain yang ditentukan oleh Kami mengikut budi bicara. Kami berhak menamatkan Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi jika jenis bayaran yang dinyatakan dalam Fasal 2.6 ini atau seperti ditentukan oleh Kami dari semasa ke semasa tidak dipatuhi oleh Orang yang Dilindungi.
- 2.7 Perlindungan Takaful yang berkuat kuasa di bawah Sijil ini adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia. Sebarang manfaat di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Orang yang Dilindungi, tertakluk kepada terma dan syarat dalam Sijil ini. Suatu pelepasan dan/atau penerimaan yang diberi kepada Kami oleh:
 - 2.7.1 Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi; atau
 - 2.7.2 mana-mana individu yang dibenarkan dengan sewajarnya secara bertulis oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi untuk bertindak bagi pihak dirinya;
 - 2.7.3 mana-mana individu yang Kami anggap, menurut peruntukan Akta Perkidaftaran Kewangan Islamik 2013, layak ke atas sebarang pembayaran yang perlu dibayar di bawah Sijil ini;adalah pelepasan yang baik, sah dan mencukupi kepada Kami berhubung dengan sebarang pembayaran yang dibuat oleh Kami di bawah Sijil ini. Suatu senarai penandatangan yang dibenarkan bagi Pemegang Sijil Induk hendaklah disediakan kepada Kami, jika perlu, dan dikemas kini apabila diperlukan.
- 2.8 Tiada ejen atau broker dibenarkan untuk membuat atau mengubah Sijil ini, bagi melanjutkan masa pembayaran Caruman/Sumbangan Takaful, mengetepikan sebarang peluputan atau pelucutahan, mengetepikan sebarang hak atau keperluan Kami, atau mengikat Kami dengan membuat sebarang janji atau menerima sebarang representasi atau maklumat berhubung dengan Sijil ini. Sijil ini tidak boleh diubah melainkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif yang dilakukan secara bertulis atau individu lain yang dilantik dengan sewajarnya oleh Lembaga Syarikat bagi tujuan tersebut.
- 2.9 Pemegang Sijil Induk hendaklah menyerahkan Sijil asal kepada Kami sekiranya diminta berbuat demikian, sama ada ia diperlukan, antara lain, membuat sebarang sokongan, mengecap, tujuan rujukan atau sebaliknya.

3. KELAYAKAN

- 3.1 Ahli berumur di antara enam belas (16) tahun hari lahir berikutnya hingga tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya adalah layak untuk dilindungi di bawah Perlindungan Takaful ini ("Ahli yang Layak").
- 3.2 Pasangan, jika ada, berumur di antara enam belas (16) tahun hari lahir berikutnya hingga tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya adalah layak untuk dilindungi di bawah Perlindungan Takaful bagi Manfaat Ihsan sahaja.
- 3.3 Anak, jika ada, berumur di antara satu (1) hari umur yang dicapai hingga dua puluh sembilan (29) tahun hari lahir berikutnya dengan syarat bahawa Anak itu belum berkahwin dan bergantung kewangan kepada Orang yang Dilindungi adalah layak untuk dilindungi di bawah Perlindungan Takaful bagi Manfaat Ihsan sahaja.
- 3.4 Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah mengikut budi bicara Kami.

4. KEPERLUAN DATA

- 4.1 Tiada Perlindungan Takaful atau penambahan Jumlah Perlindungan atau manfaat berhubung dengan mana-mana Orang yang Dilindungi akan berkuat kuasa di bawah Sijil ini, melainkan pemberitahuan telah dibuat dengan sewajarnya dan Kami telah menerima risiko secara bertulis.
- 4.2 Bukti kesihatan yang memuaskan diperlukan oleh Kami sebelum penerimaan suatu Perlindungan Takaful atau sebarang penambahan terhadap Jumlah Perlindungan atau manfaat. Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah mengikut budi bicara Kami.
- 4.3 Pemegang Sijil Induk hendaklah menyimpan dan mengemaskini rekod berkaitan dengan setiap Orang yang Dilindungi dan rekod itu hendaklah termasuk semua maklumat dan butir-butir yang Kami terima dari semasa ke samasa.

- 4.4 Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi hendaklah menyediakan semua kenyataan dan maklumat di atas yang diperlukan oleh Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada:
 - 4.4.1 Tarikh Permulaan Sijil; atau
 - 4.4.2 mana-mana tarikh Ulang Tahun Sijil daripadanya; atau
 - 4.4.3 tarikh kelayakan bagi Ahli baru.
- 4.5 Kesilapan menulis dalam menjaga rekod-rekod itu tidak akan membatalkan perlindungan, tetapi pelarasan saksama hendaklah dibuat dengan sewajarnya dengan pemberitahuan kesilapan tersebut.
- 4.6 Bukti umur berdokumen Orang yang Dilindungi dan bukti lain yang memuaskan Kami diperlukan sebelum sebarang manfaat Perlindungan Takaful berhubung dengan Orang yang Dilindungi boleh dibayar di bawah Sijil Induk Berkelompok ini. Sekiranya tiada sijil kelahiran, kad pengenalan boleh diterima sebagai keterangan.
- 4.7 Jika umur sebenar Orang yang Dilindungi di luar lingkungan umur yang dinyatakan dalam Fasal 3.1 di atas, tiada Perlindungan Takaful akan diberi di bawah Sijil Induk Berkelompok ini dan Caruman/Sumbangan Takaful berhubung dengan Orang yang Dilindungi akan dibayar balik.
- 4.8 Pemegang Sijil Induk hendaklah memberi kepada Kami semua maklumat dan bukti yang mungkin dikehendaki secara munasabah oleh Kami berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Sijil. Semua dokumen yang dikemukakan kepada Pemegang Sijil Induk oleh mana-mana Orang yang Dilindungi berkenaan dengan perlindungan dan rekod lain yang mungkin mempunyai kaitan dengan perlindungan di bawah Sijil ini, hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh Kami pada bila-bila masa yang munasabah.

5. TAHAP MANFAAT TAKAFUL

- 5.1 Setiap Orang yang Dilindungi yang layak, berhak memilih Jumlah Perlindungan yang akan melindunginya di bawah Sijil Takaful, tertakluk kepada pengeluaran bukti layak boleh dilindungi dalam bentuk dan cara yang ditentukan serta memuaskan Kami mengikut budi bicara, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.
- 5.2 Jika bukti layak boleh dilindungi yang dihantar berhubung dengan Orang yang Dilindungi adalah tidak memuaskan atau jika Orang yang Dilindungi terlibat dengan risiko khas atau bahaya daripada perubatan atau sebab lain, Kami akan mengubahsuai terma penerimaan Perlindungan Takaful atau memperuntukkan Jumlah Perlindungan yang lebih kecil daripada yang diminta oleh Orang yang Dilindungi. Kebenaran oleh Orang yang Dilindungi agar Kami dapat mengubahsuai terma penerimaan atau peruntukan jumlah perlindungan yang lebih kecil kepadanya menjadi syarat perlindungan di bawah Takaful.
- 5.3 Jika bukti layak boleh dilindungi yang memuaskan sedemikian tidak diberi atau jika Orang yang Dilindungi dianggap tidak boleh dilindungi oleh Kami mengikut budi bicara Kami, Perlindungan Takaful tidak akan berkuat kuasa di bawah Sijil ini.

6. APABILA PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKUAT KUASA

Perlindungan Takaful berhubung dengan setiap Orang yang Dilindungi hanya berkuat kuasa apabila keperluan berikut dipenuhi:-

- 6.1 Kami menerima cadangan bagi Perlindungan Takaful secara bertulis; atau
- 6.2 Kami telah menerima Caruman/ Sumbangan Takaful pertama bagi Perlindungan Takaful di bawah Sijil ini.

7. APABILA PERLINDUNGAN TAKAFUL BOLEH DIBAYAR

Sebarang manfaat yang boleh dibayar di bawah Sijil ini hanya dibayar jika Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi adalah sah dan berkuat kuasa semasa berlaku kejadian yang menyebabkan tuntutan, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini serta Sijil Takaful.

8. PENAMATAN SUATU PERLINDUNGAN TAKAFUL

Perlindungan berhubung dengan Orang yang Dilindungi akan ditamatkan pada Tarikh Penamatian seperti ditakrifkan dalam Glosari.

CARUMAN DAN CAJ (Fasal 9 - 12)

9. CARUMAN/ SUMBANGAN TAKAFUL ASAS

- 9.1 Caruman/ Sumbangan Takaful seperti ditunjukkan dalam Jadual Manfaat yang dilampirkan adalah perlu dan hendaklah dibayar bermula dari Tarikh Permulaan dan selepas itu bergantung kepada frekuensi bayaran yang dipersetujui sehingga tarikh Caruman/ Sumbangan Takaful perlu dibayar sebelum Tarikh Penamatan. Jumlah Caruman/ Sumbangan Takaful yang perlu dibayar di bawah Sijil ini adalah agregat jumlah semua Caruman/ Sumbangan Takaful perlu dibayar yang berkenaan termasuk semua tunggakan (jika ada) bagi semua Orang yang Dilindungi.
- 9.2 Sebarang jumlah Caruman/ Sumbangan Takaful yang diterima oleh Kami yang tidak bersamaan dengan Jumlah Perlindungan sebenar yang digunakan ke atas Orang yang Dilindungi dan diluluskan oleh Kami, akan dibayar balik dan Perlindungan Takaful terhadap Orang yang Dilindungi tidak akan berkuat kuasa. Sebarang kegagalan atau penangguhan pembayaran balik Caruman/ Sumbangan Takaful tersebut oleh Kami tidak bermaksud sebagai penerimaan cadangan Perlindungan Takaful oleh Kami.
- 9.3 Jika untuk sebarang sebab Caruman/ Sumbangan Takaful yang dibayar adalah bagi Perlindungan Takaful yang luput atau ditamatkan, penerimaan oleh Kami tidak membentuk penerimaan caruman/ Sumbangan Takaful atau penerusan Perlindungan Takaful tetapi Caruman/ Sumbangan Takaful yang dibayar akan dibayar balik, dan Kami tiada tanggungjawab berhubung dengan Perlindungan Takaful tersebut. Namun, sebarang kegagalan atau penangguhan pembayaran balik Caruman tersebut oleh Kami tidak bermaksud sebagai penepian, dan ia tidak membentuk sebarang penerimaan Caruman/ Sumbangan Takaful oleh Kami atau penerusan Perlindungan Takaful.
- 9.4 Jika caruman/ Sumbangan Takaful asas tidak dibayar semasa Sijil ini masih berkuat kuasa, Kami tetap akan menolak *Tabarru'* daripada PIA selagi jumlah di dalam PIA masih mencukupi untuk penolakan tersebut.

10. CAJ PENDAHULUAN

- 10.1 Caj Pendahuluan adalah amaun yang ditolak terdahulu dari PIA (sebagai peratusan bagi Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan/atau cukai-cukai lain, jika ada) dan digunakan untuk memenuhi kos pengagihan langsung Kami dan perbelanjaan pengurusan.
- 10.2 Jika Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan dan sekiranya Sijil ini diserahkan atau ditamatkan disebabkan oleh sebarang peruntukan sebelum tarikh Caruman berikutnya, Caj Pendahuluan (selain daripada Caj Pendahuluan bagi tahun pertama) yang ditolak perbelanjaan sebenar akan dikembalikan.
- 10.3 Perbelanjaan pengurusan termasuk Duti Setem sebanyak Ringgit Malaysia sepuluh (RM10).

11. TABARRU'

- 11.1 Kami akan menolak *Tabarru'* bermula dari Tarikh Berkuat Kuasa, sehingga dan termasuk tarikh akhir tepat sebelum Tarikh Tamat Tempoh, daripada PIA. *Tabarru'* akan dikreditkan ke dalam Dana *Tabarru'*.
- 11.2 *Tabarru'* berhubung dengan Jumlah Perlindungan akan dikira mengikut kadar Kami berdasarkan pelan, pengalaman tuntutan dan pendedahan risiko yang lain.
- 11.3 Kadar standard *Tabarru'* setahun bagi umur Orang yang Dilindungi adalah seperti yang diberikan dalam Caj atau sebarang endorsmen yang dikeluarkan oleh Kami.

12. VARIASI CARUMAN, KADAR TABARRU' DAN CAJ-CAJ LAIN

- 12.1 Kami boleh mengubah Caruman, kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain ("Kadar dan Caj") di bawah Sijil ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh hari (30) (bagi Manfaat Takaful Perubatan dan Kesihatan (MHT)) dan tiga (3) bulan (untuk selain daripada MHT) terlebih dahulu ("Tempoh Pemberitahuan") kepada Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi menurut Fasal 'Notis dan Surat-Menyurat'.
- 12.2 Sebarang semakan sama ada untuk menaikkan atau menurunkan Kadar dan Caj akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil sejurus selepas berakhirnya Tempoh Pemberitahuan, kecuali dan sebaliknya, Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi tidak bersetuju secara bertulis dan memberitahu Kami dalam Tempoh Pemberitahuan mengenai niat Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi untuk menyerahkan atau menamatkan Sijil ini.

LUPUT DAN PENGUATKUASAAN SEMULA (Fasal 13 - 14)

13. TEMPOH TENGGANG DAN PENAMATAN

- 13.1 Orang yang Dilindungi dibenarkan untuk membayar Caruman selanjutnya dari setiap tarikh Caruman perlu dibayar sehingga sembilan puluh (90) hari ("Tempoh Tenggang") di bawah Sijil Takaful baginya.
- 13.2 Jika sebarang tuntutan berlaku dalam Tempoh Tenggang, sebarang jumlah hutang di bawah Sijil Takaful ini akan ditolak daripada bayaran manfaat Takaful.
- 13.3 Setelah tamat Tempoh Tenggang, Sijil Takaful akan luput dan tidak mempunyai nilai seterusnya jika baki jumlah dalam PIA adalah tidak mencukupi.
- 13.4 Bagi mengelakkan keraguan, Sijil ini akan terus berkuat kuasa dengan syarat PIA masih mencukupi untuk *Tabarru'* yang perlu ditolak pada setiap tarikh ia perlu dibayar. Sekiranya baki yang tinggal di dalam PIA tidak mencukupi untuk membayar *Tabarru'*, Sijil ini akan diteruskan mengikut tempoh pro-rata yang sepadan dengan baki PIA. Sijil akan ditamatkan pada akhir tempoh pro-rata.

14. PENGUATKUASAAN SEMULA PERLINDUNGAN TAKAFUL

Jika Sijil ini ditamatkan disebabkan tiada Caruman/Sumbangan Takaful diterima dalam tempoh yang ditetapkan dan kekal tidak berbayar melebihi Tempoh Tenggang yang diberikan dalam Sijil ini, Sijil dan/atau perlindungan bagi Orang yang Dilindungi mungkin dikuatkuasakan semula secara bertulis dalam satu (1) tahun dari tarikh penamatan, tertakluk kepada terma dan syarat berikut:-

- 14.1 bukti layak boleh dilindungi yang memuaskan telah diberi kepada Kami dan jika sebarang laporan perubatan atau ujian adalah diperlukan oleh Kami, Orang yang Dilindungi hendaklah menanggung kos laporan perubatan dan ujian; dan
- 14.2 Orang yang Dilindungi mestilah memaklumkan kepada Kami sebarang perubahan kesihatan atau sebarang keadaan yang mungkin mempengaruhi kesihatan Orang yang Dilindungi sehingga tarikh penguatkuasaan semula, jika ada; dan
- 14.3 Kami menerima semua Caruman/Sumbangan Takaful yang belum dibayar sehingga tarikh penguatkuasaan semula, jika ada; dan
- 14.4 sebarang syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Kami pada masa yang material.

Sijil Takaful yang ditamatkan tidak dianggap sebagai dikuatkuasakan semula melainkan Kami telah meluluskan penguatkuasaan semula secara bertulis, jika ada, mengikut budi bicaranya.

PILIHAN SIJIL (Fasal 15 - 17)

15. PENAMBAHAN/ PENGURANGAN CARUMAN/SUMBANGAN TAKAFUL

Orang yang Dilindungi boleh memohon kepada Kami untuk menambah atau mengurangkan Jumlah Perlindungan, tertakluk kepada syarat berikut dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Kami, jika ada:

- 15.1 Sebarang permohonan untuk menukar Jumlah Perlindungan akan berkuat kuasa dari tarikh *Tabarru'* berikutnya perlu dibayar; dan
- 15.2 Jumlah Perlindungan mestilah dalam had Jumlah Perlindungan yang ditentukan Kami.
- 15.3 Caruman mungkin akan bertambah atau berkurang mengikut perubahan dalam Jumlah Perlindungan. Perubahan dalam Caruman/Sumbangan Takaful akan berkuat kuasa pada tarikh Caruman/Sumbangan Takaful berikutnya perlu dibayar apabila perubahan dalam Jumlah Perlindungan berkuat kuasa.

16. PENGELUARAN SEPARA

Orang yang Dilindungi yang mana Perlindungan Takaful masih berkuat kuasa dan berhasrat untuk kekal sebagai Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini boleh memohon pengeluaran separa Nilai Tunai, tertakluk kepada syarat berikut dan syarat lain yang akan ditetapkan oleh Kami:

- 16.1 jumlah minima untuk pengeluaran mestilah Ringgit Malaysia sepuluh (RM10); dan
- 16.2 baki Nilai Tunai mestilah sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia sepuluh (RM10).

17. SERAHAN

- 17.1 Pemegang Sijil Induk boleh menyerahkan Perlindungan Takaful berhubung dengan mana-mana Orang yang Dilindungi menurut Sijil ini sebelum Perlindungan Takaful ini tamat dengan memberikan arahan bertulis dan mengembalikan Sijil Takaful yang asal kepada Kami.
- 17.2 Ketika penyerahan balik mana-mana Perlindungan Takaful menurut Sijil ini, Kami akan mengembalikan nilai serahan bersamaan dengan baki jumlah di dalam PIA (jika ada), tertakluk kepada syarat-syarat lain yang boleh dikenakan oleh Kami.
- 17.3 Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini akan ditamatkan selepas nilai serahan telah dibayar dan semua manfaat serta hak-hak di bawahnya akan terhenti.

PERUNTUKAN DANA TAKAFUL (Fasal 18 - 20)

18. DANA TABARRU' DAN AKAUN INDIVIDU PESERTA (PIA)

- 18.1 Berdasarkan konsep Syariah bagi *Tabarru'*, Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi akan mendermakan sebahagian dari Caruman/Sumbangan Takaful ke dalam Dana *Tabarru'* untuk tujuan tolong menolong. Dana *Tabarru'* yang dimiliki oleh kumpulan Peserta-peserta dan Orang yang Dilindungi dan diuruskan oleh Kami untuk tujuan pembayaran tuntutan manfaat yang dilindungi di bawah Sijil ini
- 18.2 Berdasarkan kontrak Syariah *Mudharabah*, Pemegang Sijil Induk sebagai pemilik modal melantik Kami sebagai pengusaha untuk menjalankan aktiviti pelaburan patuh Syariah untuk Dana *Tabarru'* dan PIA bagi pihak Pemegang Sijil Induk. Kami akan berkongsi bahagian peratusan keuntungan pelaburan yang telah ditentukan manakala sebarang kerugian pelaburan ditanggung Pemegang Sijil Induk.

19. LEBIHAN PENGUNDERAITAN

- 19.1 Lebihan Pengunderaitan akan dikira dan diagihkan setiap tahun, selepas setiap tahun kewangan.
- 19.2 Lebihan Pengunderaitan yang boleh diagihkan akan ditentukan setelah sebahagian yang sesuai darinya, disimpan untuk tujuan kecemasan sebelum ia dikongsi di antara Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi dan Kami masing-masing dengan kadar 50% dan 50%. Bahagian Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi kepada Lebihan Pengunderaitan (jika ada) akan dikreditkan ke dalam PIA.
- 19.3 Sebarang Jumlah Lebihan Pengunderaitan yang tidak diguna pakai disimpan untuk tujuan kecemasan, akan dimasukkan ke dalam pengiraan Lebihan Pengunderaitan pada tahun kewangan berikutnya.
- 19.4 Lebihan Pengunderaitan (jika ada) tidak akan diagihkan, jika sekiranya Kami menilai bahawa lebihan yang ada harus dibiarkan di dalam Dana *Tabarru'* bagi mengekalkan keupayaan Dana *Tabarru'* untuk menampung hutang akan datang atau memenuhi andaian Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi yang berpatutan yang mana tidak diberikan secara khusus di dalam nilai aktuari Kami.
- 19.5 Sekiranya terdapat defisit dari Dana *Tabarru'*, tiada agihan Lebihan Pengunderaitan pada tahun kewangan tersebut. Di dalam keadaan tersebut, defisit itu akan dibiayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan kecemasan. Jika Dana *Tabarru'* masih lagi mengalami defisit, *Qard* akan diaturkan. *Qard* akan dibawa ke hadapan ke tahun kewangan berikutnya dan sekiranya terdapat lebihan sesudah itu, ia akan digunakan untuk melunaskan *Qard* (jika ada) untuk Kami sebelum ianya diagihkan

20. KEUNTUNGAN/KERUGIAN PELABURAN

- 20.1 Sebarang Keuntungan Pelaburan atau Kerugian Pelaburan daripada PIA dan Dana *Tabarru'* akan dikira dan diagihkan setiap tahun, selepas setiap tahun kewangan.
- 20.2 Sebarang Keuntungan Pelaburan (jika ada) daripada Dana *Tabarru'* berdasarkan konsep *Mudharabah*, akan dikongsi di antara Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi dan Kami dengan kadar 50% dan 50% masing-masing. Amaun peruntukan Orang yang Dilindungi akan dikreditkan ke dalam PIA.
- 20.3 Sebarang Kerugian Pelaburan di dalam Dana *Tabarru'* akan dibawa ke hadapan dan akan diambil kira sebelum dimasukkan dalam pengiraan pada Lebihan Pengunderaitan (atau defisit) pada tahun kewangan berikutnya.

- 20.4 Sebarang Keuntungan Pelaburan yang terhasil daripada PIA berdasarkan konsep *Mudharabah* akan dikongsi di antara Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi dan Kami dengan kadar 75% dan 25% masing-masing dan dikreditkan kembali ke dalam PIA.
- 20.5 Sebarang Kerugian Pelaburan daripada PIA akan ditanggung oleh Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi dan ditunjukkan di dalam PIA.

PERUNTUKAN MANFAAT (Fasal 21 - 33)

21. MANFAAT KEMATIAN

- 21.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi meninggal dunia semasa dilindungi di bawah Sijil ini, Kami akan membayar sekali gus:
 - 21.1.1 Jumlah Perlindungan Asas pada tarikh kematian dari Dana *Tabarru'*, dan
 - 21.1.2 Nilai Tunai pada tarikh kematian dari PIA, jika ada.
- 21.2 **Dengan syarat**, pembayaran sebarang manfaat berkaitan Fasal 21.1 tertakluk kepada perkara berikut:
 - 21.2.1 Pemberitahuan kematian mesti disertakan dengan bukti kematian berdokumen.
 - 21.2.2 Jumlah sebarang hutang bagi Sijil Takaful dan sebarang penarikan balik yang dibuat di antara tarikh kematian dan tarikh pemberitahuan kematian akan ditolak daripada bayaran tuntutan yang boleh dibayar.
 - 21.2.3 Sijil Takaful akan ditamatkan ketika kematian dan semua manfaat serta hak di bawah ini akan berhenti.

22. MANFAAT MATANG

- 22.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini, di atas kelangsungan hidup Orang yang Dilindungi sehingga ke Tarikh Matang, Kami akan membayar sebarang Nilai Tunai jika ada, pada Tarikh Matang setelah ditolak hutang yang ada ke atas Sijil Takaful ini.
- 22.2 Sijil Takaful akan ditamatkan pada Tarikh Matang dan semua manfaat dan hak di bawah Sijil Takaful ini akan terhenti.

23. MANFAAT HILANG UPAYA PENUH DAN KEKAL (HUPK)

- 23.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi menjadi HUPK sebelum Ulang Tahun Sijil apabila mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya semasa dilindungi di bawah Sijil ini, Kami akan membayar:
 - 23.1.1 Jumlah Perlindungan Asas apabila diberitahu mengenai hilang upaya dari Dana *Tabarru'*, dan
 - 23.1.2 Nilai Tunai pada tarikh kematian dari PIA, jika ada.
- 23.2 **Dengan syarat**, pembayaran sebarang manfaat berkaitan Fasal 23.1 tertakluk kepada perkara berikut:
 - 23.2.1 HUPK bagi Orang yang Dilindungi mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami, sebagai telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya. Bukti berdokumen yang memuaskan mestilah diberi kepada Kami bagi membuktikan hilang upaya tersebut telah berterusan semasa pembayaran perlindungan tahunan pertama dan pada setiap pembayaran perlindungan tahunan selanjutnya.
 - 23.2.2 Jika Orang yang Dilindungi tidak lagi mengalami HUPK, Kami tidak akan meneruskan bayaran pendahuluan tahunan selanjutnya dan semua Perlindungan Takaful ke atas Orang yang Dilindungi yang sama akan dibatalkan secara automatik.
 - 23.2.3 Tertakluk kepada Fasal 23.2.4 di bawah, pembayaran Jumlah Perlindungan adalah tertakluk kepada cara berikut:
 - 23.2.3.1 pembayaran jumlah sekali gus sehingga maksimum RM1,000,000; dan
 - 23.2.3.2 dua kali bayaran tahunan yang sama nilai bagi sebarang Jumlah Perlindungan, melebihi RM1,000,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000, iaitu yang pertama akan dibayar satu tahun selepas tarikh bayaran sekali gus yang dinyatakan dalam Fasal 23.2.3.1 di atas.

- 23.2.4 Pembayaran yang dibuat mengikut Fasal 23.2.3 di atas adalah tertakluk kepada syarat berikut iaitu Jumlah Perlindungan, yang dibayar adalah terhad kepada jumlah yang tidak melebihi:
- 23.2.4.1 RM1,000,000 dalam agregat di bawah Sijil ini dan semua Sijil Induk Berkelompok termasuk endorsmen dan aneksur, jika ada, (semua sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Kami serta memberi manfaat HUPK ke atas Orang yang Dilindungi yang sama, pada tahun pertama apabila tuntutan HUPK telah dibenarkan oleh Kami; dan
- 23.2.4.2 RM2,000,000 dalam agregat di bawah Sijil ini dan semua Sijil Induk Berkelompok termasuk endorsmen dan aneksur, jika ada, (semua sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Kami serta memberi manfaat HUPK ke atas Orang yang Dilindungi yang sama selepas tuntutan HUPK telah dibenarkan oleh Kami.
- 23.2.5 Jika Orang yang Dilindungi meninggal dunia sebelum pembayaran tahunan terakhir seperti dinyatakan di bawah Fasal 23.2.3 di atas, Kami akan membayar baki bayaran tahunan (jika ada) yang masih belum dibayar dalam satu jumlah sekali gus.
- 23.2.6 Selepas pembayaran tahunan Jumlah Perlindungan yang dinyatakan di dalam Fasal 23.2.3 di atas, Jumlah Perlindungan Asas akan dikurangkan dengan sewajarnya.
- 23.2.7 Apabila Orang yang Dilindungi menjadi HUPK, Perlindungan Takaful untuk HUPK baginya akan ditamatkan secara automatik.

24. MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL

Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi didiagnosis dengan suatu Kejadian yang Dilindungi selepas Tempoh Menunggu semasa dilindungi di bawah Sijil ini, Kami akan membayar manfaat berikut:

- 24.1 10% daripada Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Penyakit Kritikal bagi Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, tertakluk kepada maksimum sebanyak RM25,000 ke atas Orang yang Dilindungi. Selepas pembayaran manfaat ini, jumlah tersebut akan ditolak daripada Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Penyakit Kritikal terhadap Sijil ini, seterusnya mengurangkan Jumlah Manfaat Penyakit Kritikal yang boleh dibayar di dalam ini ("Jumlah Perlindungan Dikurangkan").
- 24.2 100% daripada Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Penyakit Kritikal atau Jumlah Perlindungan Dikurangkan bagi Manfaat Penyakit Kritikal untuk Kejadian yang Dilindungi lain (tidak termasuk Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari), mana yang berkenaan.
- 24.3 **Dengan syarat**, pembayaran sebarang manfaat berdasarkan Fasal 24 ini tertakluk seperti berikut:
- 24.3.1 Selepas Pembayaran bagi Jumlah Perlindungan Manfaat Penyakit Kritikal seperti yang diterangkan dalam Fasal ini dibayar, jika berkenaan, Jumlah Perlindungan Asas akan dikurangkan dengan sewajarnya.
- 24.3.2 Kejadian yang Dilindungi mestilah didiagnosis atau telah berlaku, mana yang berkenaan, sebelum Orang yang Dilindungi mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya.
- 24.3.3 Tiada manfaat akan dibayar bagi mana-mana Kejadian yang Dilindungi bagi:
- 24.3.3.1 sebarang keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis: atau
- 24.3.3.1.1 semasa Tempoh Menunggu: atau
- 24.3.3.1.2 selepas Tempoh Menunggu tamat tetapi berkaitan dengan sesuatu keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu; atau
- 24.3.3.2 tanda atau gejala yang sedia wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikiran waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 24.3.4 Tuntutan bagi sesuatu Kejadian yang Dilindungi seperti dihuraikan dalam Fasal 24.3.3.1 dan/atau 24.3.3.2 di atas tidak akan diterima semata-mata kerana pemberitahuan tuntutan tersebut telah diberi kepada Kami selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 24.3.5 Selain daripada Angioplasti dan Rawatan Pembedahan Lain untuk Penyakit Arteri Koronari seperti dinyatakan dalam Fasal 24.1 dan Fasal 24.2 di atas, jika ada, Jumlah Perlindungan bagi Manfaat Penyakit Kritikal hanya akan dibayar sekali sahaja walaupun Orang yang Dilindungi mungkin mengalami pelbagai Kejadian yang Dilindungi.

24.3.6 Agregat jumlah perlindungan bagi Manfaat Penyakit Kritikal yang dibayar oleh Kami bagi manfaat Kejadian yang Dilindungi mestilah tidak melebihi RM2,000,000 di bawah Sijil ini dan semua Sijil Induk Berkelompok termasuk endorsmen dan aneksur, jika ada, (sijil individu dan berkaitan kredit dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Kami dengan sebarang nama atauuraian yang menyediakan manfaat Kejadian yang Dilindungi ke atas Orang yang Dilindungi yang sama.

TAKRIF KEJADIAN YANG DILINDUNGI

- (1) "Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk" : Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Dementia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang Dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Pemegang Siil Induk/Orang Yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neorologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;
- (ii) penyakit psikiatrik; dan
- (iii) kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

- (2) "Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari" : Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektoni, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi. Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Kejadian yang Dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaan Sijil ini, sekali gus mengurangkan amaan Jumlah Manfaat yang boleh dibayar.

- (3) "Sindrom Apallic (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)" : Nekrosis menyeluruh korteks otak dengan pangkal otak tidak terjejas. Diagnosis ini mestilah disahkan pakar perunding neurologi dan berdasarkan temu janji yang dilakukan di hospital yang dibenarkan. Keadaan ini mestilah didokumenkan dari segi perubatan sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

- (4) "Meningitis Bakteria – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian" : Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (i) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (ii) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair serebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

- (5) "Tumor Otak Benign – Keterukan Tertentu" : Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:
- (i) ia mengancam nyawa;
 - (ii) ia menyebabkan kerosakan otak;
 - (iii) ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
 - (iv) kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.
- Berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) sista;
 - (ii) granuloma;
 - (iii) kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
 - (iv) hematoma
 - (v) tumor di dalam kelenjar pituitary;
 - (vi) tumor di dalam tulang belakang; dan
 - (vii) tumor saraf akustik.
- (6) "Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih" : Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.
- (7) "Pembedahan Otak" : Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) prosedur lubang gerudi (burr hole);
 - (ii) prosedur transfenoid;
 - (iii) prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan
 - (iv) pembedahan otak akibat kemalangan.
- (8) "Kanser – Keterukan Tertentu dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal" : Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukemia, limfoma dan sarcoma.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - (a) pra-malignan;
 - (b) bukan invasif;
 - (c) karsinoma in situ;
 - (d) mempunyai malignan pinggiran (borderline);
 - (e) mempunyai potensi malignan;
 - (ii) semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - (iii) semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - (iv) semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - (v) leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;

- (vi) semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
(vii) sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.
- (9) "Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – Keterukan Tertentu"
: Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.
- Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.
- Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:
- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.
- (10) "Anemia Aplastik Kronik – Mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang"
Kegagalan kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:
(i) transfusi produk darah berkala;
(ii) agen perangsang sumsum;
(iii) agen imunosupresif; atau
(iv) transplant sumsum tulang.
- Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.
- (11) "Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik"
Lebih daripada tiga (3) serangan radang pankreas yang mengakibatkan ketidakfungsian pankreas kekal yang menyebabkan serapan nutrien tidak sempurna sehingga memerlukan terapi penggantian enzim.
- Diagnosis mestilah dibuat oleh seorang pakar perunding gastroenterologi dan disahkan dengan Kolangiopankreatografi Retrograd Endoskopik (ERCP).
- Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik disebabkan pengambilan alkohol atau dadah adalah dikecualikan.
- (12) "Koma – Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan"
Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.
- Berikut adalah tidak dilindungi:
Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

- (13) "Pembedahan Pintasan Arteri Koronari"
- Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) angioplasti;
 - (ii) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
 - (iii) prosedur lubang kunci (keyhole); dan
 - (iv) prosedur laser.
- (14) "Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)"
- Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob berlaku apabila terdapat defisit berkaitan neurologi, menyebabkan Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan. Keadaan ini mestilah didokumenkan dari segi perubatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan pakar perunding neurologi dengan ujian bersesuaian seperti keputusan Elektroensefalografi (EEG) dan Saringan Cecair Serebrospina (CSF) yang muktamad serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonan Magnet (MRI).
- "Sakit" disebabkan rawatan hormon tumbesaran manusia adalah dikecualikan.
- (15) "Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih"
- Hilang Upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada lapan puluh (80) desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).
- (16) "Elefantiasis (Penyakit Untut)"
- Elefantiasis diakibatkan dan komplikasi daripada filariasis, dicirikan dengan pembengkakan besar pada tisu dalam badan disebabkan gangguan kekal peredaran dalam salur limfa, menyebabkan Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan.
- "Diagnosis" Elefantiasis yang jelas mestilah disahkan secara klinikal oleh seorang "Pakar" untuk penyakit berjangkit atau "Pakar" dalam bidang yang relevan, termasuklah pengesahan makmal bagi mikrofilaria.
- Limfoedema disebabkan jangkitan daripada penyakit melalui hubungan seks, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan sistem limfa kongenital adalah dikecualikan.
- (17) "Ensefalitis – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian"
- : Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai. Kejadian yang Dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.
- Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.

- (18) "Kegagalan Hati Tahap Akhir" : Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:
- (i) jaundis kekal;
 - (ii) asites (lebihan cecair dalam kaviti peritoneal); dan
 - (iii) ensefalopati hepatis.

Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.

- (19) "Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir" : Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:
- (i) keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;
 - (ii) gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
 - (iii) sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
 - (iv) analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.

- (20) "AIDS Dengan Gejala Penuh"
- Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Pemegang Siil Induk/Orang Yang Dilindungi perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ μ L dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:
- (i) kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
 - (ii) Sarkoma Kaposi;
 - (iii) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii;
 - (iv) leukoensefalopati multifokal progresif;
 - (v) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
 - (vi) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit/ μ L; atau
 - (vii) Limfoma Malignan.

- (21) "Hepatitis Viral Fulminan" : Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:
- (i) penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
 - (ii) nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
 - (iii) ujian kefungsian hati yang semakin merosot; dan
 - (iv) jaundis yang semakin mendalam.

Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.

- (22) "Pembedahan Injap Jantung" : Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:
- (i) sejarah sakit dada tipikal;
 - (ii) perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
 - (iii) peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:

(a) Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium $> / = 0.5 \text{ ng/ml}$
Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari

(23) "Pembedahan Injap Jantung"

: Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) pemberian menerusi prosedur intra-arteri; dan
- (ii) pemberian menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.

(24) "Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah"

: Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:
(i) transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
(ii) transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura selepas kuatkuasa Sijil;
(iii) sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfuse darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
(iv) Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
(v) Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.

(25) "Kegagalan Buah Pinggang – Memerlukan Dialisis atau Transplant Buah Pinggang"

: Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak boleh pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.

(26) "Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)"

: Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai.

(27) "Hilang Keupayaan Bertutur"

: Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).

Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.

- (28) "Trauma Kepala Major (Teruk) – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian" : Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan diguna pakai.
- (29) "Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang" : Penerimaan transplan seperti berikut:
- Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
 - Salah satu daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.
- Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.
- (30) "Penyakit Sistik Medular" Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan dengan kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrisis intestinal dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis mestilah disokong dengan biopsi ginjal.
- (31) "Penyakit Neuron Motor – Defisit neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan" : Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsi progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.
- (32) "Sklerosis Multipel" : Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:
- (i) siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
 - (ii) defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
 - (iii) sejarah eksaserbasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.
- (33) "Distrofi Otot" : Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mesti disokong oleh kesemua berikut:
- (i) penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
 - (ii) tiada penglibatan saraf tengah/ periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan
 - (iii) hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.
- Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Pemegang Siil Induk/Orang Yang Dilindungi mencapai umur dua belas (12) tahun tarikh lahir berikutnya.
- (34) "Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan" Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (hanya jika Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi merupakan Kakitangan Perubatan seperti takrif di bawah), yang berlaku akibat kemalangan semasa menjalankan tugas pekerjaan yang biasa, apabila penukaran serum (seroconversion) kepada jangkitan HIV berlaku dalam tempoh enam (6) bulan daripada kemalangan. Sebarang kemalangan yang mungkin menyebabkan tuntutan

mestilah dilaporkan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada kemalangan yang berlaku serta disokong dengan ujian HIV negatif yang dijalankan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada kemalangan tersebut.

“Kakitangan Perubatan” ditakrifkan sebagai doktor (Doktor Perubatan Am dan Pakar), pengamal perubatan tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor pergigian, jururawat pergigian, pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal perubatan tradisional, jururawat dan doktor pergigian mestilah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.

(35) “Kelumpuhan Anggota” : Hilang penggunaan penuh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai.

(36) “Penyakit Parkinson – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian” : Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:

- (i) tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
- (ii) menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan
- (iii) pengesahan ketidakupayaan kekal Pemegang Siil Induk/Orang Yang Dilindungi untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.

Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.

(37) “Poliomielitis” : Poliomielitis berlaku apabila keadaan berikut dipenuhi:

- Virus polio dikenal pasti sebagai punca,
- Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mestilah berlaku dan berterusan sekurang-kurangnya selama tiga (3) bulan.

(38) “Kardiomiopati – Keterukan Tertentu” : Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III NYHA mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

(39) “Skleroderma Progresif” Penyakit vaskular-kolagen sistemik yang menyebabkan penyebaran fibrosis dengan progresif dalam kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mestilah disokong jelas dengan bukti biopsi dan serologi serta

gangguan tersebut mestilah telah mencapai perkadaran sistemik yang melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.

Perkara berikut dikecualikan:

- (i) Skleroderma setempat (skleroderma linear atau morfea);
- (ii) Eosinifili fasitis; dan
- (iii) Sindrom CREST

(40) "Penyakit Arteri Koronari Serius" : Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Areteri Sirkumfleks. Kejadian yang Dilindungi akan dibayar tidak mengira samada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.

(41) "Strok/Angin Ahmar – Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom-Simptom Klinikal Berterusan" : Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah diguna pakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) serangan iskemia sementara (TIA);
- (ii) simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migraine;
- (iii) kecederaan traumatis pada tisu otak atau salur-salur darah; dan
- (iv) penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular.

(42) "Pembedahan Aorta" : Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) angioplasti;
- (ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berdasarkan kateter;
- (iii) prosedur lubang kunci yang lain; dan
- (iv) prosedur laser.

(43) "Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk" : Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.

Untuk definisi ini, Kejadian yang Dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.

Klasifikasi Lupus oleh WHO:

Jenis III: Glomerulonefritis Segmen Fokus

Jenis IV: Glomerulonefritis Resap

Jenis V: Glomerulonefritis bermembran

- (44) "Kelecuran Tahap Ketiga : Lecuran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.
- (45) "Penyakit Terminal (Membawa Maut)" Diagnosis muktamad suatu keadaan yang dijangka akan mengakibatkan kematian Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan. Pemegang Siil Induk/Orang yang Dilindungi mestilah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada penahan sakit. Diagnosis mestilah disokong dengan pengesahan bertulis daripada pakar yang bersesuaian dan disahkan doktor yang dilantik oleh Pengendali Takaful.

25. MANFAAT PENYAKIT TERMINAL

- 25.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila Orang yang Dilindungi didiagnosis menghidap Penyakit Terminal selepas Tempoh Menunggu, Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Manfaat Penyakit Terminal, berdasarkan Jadual Manfaat Sijil ini dari Dana *Tabarru'* kepada mana-mana Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini.
- 25.2 **Dengan syarat**, pembayaran sebarang manfaat berkaitan Fasal 25.1 tertakluk kepada perkara berikut:
- 25.2.1 Tiada manfaat akan dibayar bagi Manfaat Penyakit Terminal yang:
- 25.2.1.1 sedia ada atau telah didiagnosis:
- 25.2.1.1.1 semasa Tempoh Menunggu; atau
- 25.2.1.1.2 selepas Tempoh Menunggu tamat tetapi berkaitan dengan sesuatu keadaan yang sedia wujud atau telah didiagnosis semasa Tempoh Menunggu; atau
- 25.2.1.2 tanda atau gejala yang sedia wujud sebelum atau semasa Tempoh Menunggu yang mungkin menyebabkan seseorang yang berfikiran waras untuk mendapat penjagaan atau perhatian perubatan, walaupun keputusan diagnosis mungkin berlaku sebelum atau selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 25.2.2 Tuntutan bagi sesuatu Manfaat Penyakit Terminal seperti dihuraikan dalam Fasal 25.2.1.1 atau 25.2.1.2 di atas tidak akan diterima semata-mata kerana pemberitahuan tuntutan tersebut telah diberi kepada Kami selepas Tempoh Menunggu tamat.
- 25.2.3 Selepas Pembayaran bagi Jumlah Perlindungan Manfaat Penyakit Terminal awal seperti yang diterangkan dalam Fasal ini dibayar, jika berkenaan, Jumlah Perlindungan Asas akan dikurangkan dengan sewajarnya.
- 25.2.4 Penyakit Terminal seperti yang dituntut mestilah didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan mestilah disokong dengan bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang boleh diterima oleh Kami; kesemua bukti perubatan mestilah diberikan oleh penuntut mengikut perbelanjaan sendiri dan mestilah dalam bentuk dan sifat seperti yang diperlukan oleh Kami.
- 25.2.5 Jika dikehendaki oleh Kami, Orang yang Dilindungi mesti melakukan pemeriksaan perubatan dengan Pengamal Perubatan yang dilantik Kami berkaitan dengan Penyakit Terminal yang mana tuntutan dibuat.

26. MANFAAT HILANG UPAYA SEPARA DAN KEKAL (HUSK)

- 26.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti bil, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi mengalami sebarang Kehilangan semasa tempoh penyertaan dan berterusan tanpa henti bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya, manfaat mengikut Jadual Pampasan di bawah Sijil ini akan dibayar dari Dana *Tabarru'*.

Dengan syarat:

- 26.1.1 Kehilangan mesti berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil apabila dia berumur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya.
- 26.1.2 Setelah pembayaran mana-mana manfaat yang boleh dibayar di bawah Fasal ini, jumlah bagi manfaat yang dibayar akan ditolak daripada Jumlah Perlindungan Asas Sijil Induk

Berkelompok. Bagi mengelakkan keraguan, agregat jumlah manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini secara keseluruhan mestilah tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan. Manfaat ini akan berkurang dengan Jumlah Perlindungan Manfaat Hilang Upaya Kekal yang Lain.

- 26.1.3 Hanya satu Kehilangan dalam Jadual Pampasan yang boleh dituntut bagi setiap kejadian.

27. MANFAAT KEMALANGAN DIRI

Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti salinan bil, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi mengalami sebarang Kehilangan akibat dari Kecederaan, manfaat mengikut Jadual Pampasan di bawah Sijil ini akan dibayar dari Dana *Tabarru'*.

Dengan Syarat:

- 27.1 Kehilangan (selain daripada kematian) mesti berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil apabila mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya.
- 27.2 Semua manfaat akan dibayar secara sekali gus. Walau bagaimanapun, apabila berlaku Kehilangan satu kelompok Orang yang Dilindungi semasa perjalanan sebagai penumpang dalam Pengangkutan Awam bersama-sama, tanggungjawab Kami di bawah Sijil ini adalah terhad kepada RM2,000,000.
- 27.3 Semasa pembayaran sebarang manfaat yang boleh dibayar di bawah Fasal ini, jumlah manfaat yang dibayar akan ditolak daripada Jumlah Perlindungan Manfaat Kemalangan Diri. Bagi mengelakkan keraguan, agregat jumlah manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini secara keseluruhan mestilah tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Manfaat Kemalangan Diri.
- 27.4 Bahagian A Jadual Pampasan: Hilang Upaya Penuh dan Kekal
- 27.4.1 Hilang Upaya Penuh dan Kekal berhubung dengan mana-mana Orang yang Dilindungi mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami, sebagai bukti telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya.
- 27.4.2 Pembayaran manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal di bawah Fasal ini adalah tertakluk kepada had jumlah Hilang Upaya Penuh dan Kekal tidak melebihi RM2,000,000 di bawah Sijil ini dan semua Sijil Induk Berkelompok termasuk sijil tambahan, aneksur dan endorsmen, jika ada, (semua sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Kami dengan sebarang nama atau penerangan yang memberi manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal ke atas Orang yang Dilindungi yang sama.

- 27.5 Bahagian B Jadual Pampasan: Hilang Upaya Kekal yang Lain

Hanya satu Kehilangan di Bahagian B Jadual Pampasan yang boleh dituntut dalam satu Kemalangan.

28. MANFAAT ELAUN KEMASUKAN HOSPITAL

Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti salinan bil, salinan resit dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi dimasukkan ke dalam Hospital akibat Sakit atau Kecederaan sebelum Ulang Tahun Sijil apabila mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya, Kami akan membayar manfaat tunai harian ("Manfaat Elaun Kemasukan Hospital") maksimum Ringgit Malaysia dua ratus lima puluh (RM250) bagi tempoh kemasukan hospital berikut:

- 28.1 Sakit yang sedia wujud atau telah didiagnosis selepas Tempoh Menunggu; atau
- 28.2 Sakit yang sedia wujud atau telah didiagnos selepas Tempoh Menunggu bagi Penyakit Tertentu/Khusus; atau
- 28.3 Kecederaan yang berlaku pada atau selepas Tarikh Berkuat Kuasa.

Tempoh agregat bagi semua Kemasukan Hospital bagi Orang yang Dilindungi terhad kepada maksimum had keseluruhan lima puluh dua (52) minggu bagi setiap kemasukan hilang upaya di bawah Sijil ini.

29. MANFAAT PEMULANGAN JENAZAH

- 29.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia, Kami akan membayar kos pengangkutan pemulangan jenazah Orang yang Dilindungi akibat kematian di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan/atau kos pengembumian tempatan di tempat kematian tetapi tidak melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, dari Dana *Tabarru'* secara sekali gus selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti bil, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan bagi Kami bahawa Orang yang Dilindungi mati semasa dilindungi di bawah Sijil ini.
- 29.2 Sebarang baki jumlah dari PIA berhubung dengan Orang yang Dilindungi akan dikumpul dan dibayar pada Tempoh Perlindungan tamat.

30. MANFAAT IHSAN

- 30.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila kematian Orang yang Dilindungi, Kami akan membayar Manfaat Ihsan secara sekali gus daripada Dana *Tabarru'* apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi kepada waris terdekat Orang yang Dilindungi dan tertakluk kepada had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- 30.2 Manfaat Ihsan boleh dilanjutkan hanya kepada seorang (1) Pasangan sah Orang yang Dilindungi dan maksimum sehingga lima (5) orang Anak di bawah Sijil ini. Kami akan membayar Manfaat Ihsan kepada Pasangan dan Anak secara sekali gus dari Dana *Tabarru'* dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini akan dibayar sekali tanpa mengambil kira bilangan Sijil berhubung dengan Orang yang Dilindungi.

Dengan syarat:

Bukti-bukti bertulis yang diperlukan tentang kematian dan/atau bukti-bukti lain yang memuaskan Kami diserahkan sewajarnya.

31. PENGECUALIAN

- 31.1 **Manfaat Kematian** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berkaitan dengan sebarang kematian terhadap Orang yang Dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan:
 - 31.1.1 bunuh diri sama ada berdasarkan cubaan/disengajakan ketika waras atau tidak waras dalam tempoh Satu (1) tahun selepas Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- 31.2 **Manfaat HUPK** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berkaitan dengan sebarang HUPK terhadap Orang yang Dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan:
 - 31.2.1 HUPK sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian; atau
 - 31.2.2 HUPK disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
 - 31.2.3 disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
 - 31.2.4 disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau terlibat dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
 - 31.2.5 disebabkan oleh tabiat dadah atau mengambil sebarang dadah atau narkotik, selain daripada yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan; atau
 - 31.2.6 akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonii atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi; atau
 - 31.2.7 disebabkan perperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan.
- 31.3 **Manfaat HUSK** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berhubung dengan Orang yang Dilindungi berkaitan dengan sebarang Kehilangan, akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
 - 31.3.1 sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian; atau
 - 31.3.2 HUSK disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah

- dilindungi melebihi dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
- 31.3.3 percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras; atau
 - 31.3.4 perperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisyiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
 - 31.3.5 disebabkan oleh kecederaan badan yang diakibatkan oleh payung terjun atau terjun udara, penerbangan, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
 - 31.3.6 disebabkan oleh tabiat dadah atau mengambil sebarang dadah atau narkotik, selain daripada yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan; atau
 - 31.3.7 akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonai atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau mengelak daripada ditangkap.
- 31.4 **Manfaat Penyakit Kritikal/Penyakit Terminal** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berhubung dengan Orang yang Dilindungi berkaitan dengan sebarang Penyakit Kritikal akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
- 31.4.1 sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuat Kuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula Sijil Takaful, mana yang kemudian; atau
 - 31.4.2 Penyakit Kritikal/Penyakit Terminal disebabkan oleh Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
 - 31.4.3 sebarang rawatan atau pembedahan untuk anomalii kongenital; atau
 - 31.4.4 disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa manusia), ketika waras atau tidak waras; atau
 - 31.4.5 disebabkan oleh tabiat dadah atau mengambil sebarang dadah atau narkotik, selain daripada yang ditetapkan oleh Pakar Perubatan; atau
 - 31.4.6 disebabkan oleh kecederaan badan yang diakibatkan oleh payung terjun atau terjun udara, penerbangan, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain; atau
 - 31.4.7 akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonai atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi; atau
 - 31.4.8 disebabkan perperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak diisyiharkan.
- 31.5 **Manfaat Kemalangan Diri** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berhubung dengan Orang yang Dilindungi berkaitan dengan sebarang Kehilangan disebabkan Kemalangan akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
- 31.5.1 bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras; atau
 - 31.5.2 penyakit badan, atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dan akibat daripada belahan atau luka kemalangan; atau
 - 31.5.3 sebarang Kemalangan akibat gigitan nyamuk, serangan cacing seperti "Cacing Kerawit" dan reaksi alahan terhadap gigitan serangga; atau
 - 31.5.4 perperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisyiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
 - 31.5.5 daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada Kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata; atau
 - 31.5.6 disebabkan oleh kecederaan badan yang diakibatkan oleh payung terjun atau terjun udara, penerbangan, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain atau penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
 - 31.5.7 akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonai atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau mengelak daripada ditangkap; atau

- 31.5.8 di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan; atau
 - 31.5.9 Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad kepada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Orang yang Dilindungi akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut; atau
 - 31.5.10 daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya; atau
 - 31.5.11 radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
 - 31.5.12 daripada penglibatan Orang yang Dilindungi dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom.
- 31.6 **Manfaat Elaun Kemasukan Hospital** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berhubung dengan Orang yang Dilindungi berkaitan dengan akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
- 31.6.1 bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras; atau
 - 31.6.2 Penyakit Sedia Ada melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi melebihi dari dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
 - 31.6.3 Penyakit Tertentu/Khusus yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa; atau
 - 31.6.4 peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisyiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau pengganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan; atau
 - 31.6.5 daripada penglibatan Orang yang Dilindungi dalam komando atau tugas/latihan pemusnahan bom; atau
 - 31.6.6 penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
 - 31.6.7 disebabkan Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonii atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau mengelak daripada ditangkap; atau
 - 31.6.8 di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan; atau
 - 31.6.9 Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad kepada terjun lelabah, penerbangan, payung terjun, selam skuba, terjun udara, sukan bermotor, menyelam, mendaki gunung, atau sukan berbahaya lain, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila Orang yang Dilindungi akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut; atau
 - 31.6.10 Alkoholisme, kemurungan, dadah haram, kemabukan, penyakit kelamin dan akibatnya, kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan mengenai ketidaksuburan, ketidakfungsian erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan; atau
 - 31.6.11 sakit jiwa, gangguan mental atau saraf, (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
 - 31.6.12 sebarang rawatan atau ujian yang berkaitan dengan AIDS atau adanya jangkitan Virus kekurangan imun manusia dan semua penyakit kelamin; atau

- 31.6.13 sebarang Kemalangan akibat gigitan nyamuk, serangan cacing seperti "Cacing Kerawit" dan reaksi alahan terhadap gigitan serangga semasa Tempoh Menunggu; atau
- 31.6.14 Hospitalisasi terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Hilang Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang Pakar Perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan; atau
- 31.6.15 radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear; atau
- 31.6.16 sebarang penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang.

32. SYARAT PEMBAYARAN TUNTUTAN

- 32.1 Pematuhan wajar dan penunaian terma serta syarat Sijil ini oleh pihak yang berkaitan akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang tanggungjawab Kami untuk membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.
- 32.2 Sebarang manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini akan dibayar kepada Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi atau mana-mana individu yang berhak mendapatnya, dengan syarat:
 - 32.2.1 tiada pelanggaran sebarang terma dan syarat Sijil ini; dan
 - 32.2.2 Sijil ini dan/atau Sijil Takaful tidak ditamatkan untuk apa jua sebab.Semua pembayaran yang dibuat oleh Kami mengikut cara yang dinyatakan dalam Fasal 32.2 ini akan memberi pelepasan yang baik dan sah terhadap Kami.
- 32.3 Sebelum pembayaran sebarang tuntutan yang boleh dibayar di bawah Perlindungan Takaful, jumlah sebarang hutang ke atas Perlindungan Takaful akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang dibayar.
- 32.4 Notis bertulis hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Kami atau mana-mana pejabat cawangan Kami dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh suatu tuntutan dibuat. Kegagalan untuk memberikan notis dalam tempoh yang dibenarkan tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika terbukti tiada kemungkinan yang munasabah untuk memberikan notis dan notis diberikan secepat mungkin jika terdapat kemungkinan yang munasabah.
- 32.5 Pemberitahuan bagi tuntutan yang akan dibuat mesti diberikan kepada Kami dalam empat belas (14) hari dari tarikh Kehilangan Orang yang Dilindungi disebabkan oleh Kemalangan Diri. Kegagalan untuk memberikan notis dalam tempoh yang dibenarkan tidak akan membatalkan sebarang tuntutan jika terbukti tiada kemungkinan yang munasabah untuk memberikan notis dan notis diberikan secepat mungkin jika terdapat kemungkinan yang munasabah.
- 32.6 Semua sijil, maklumat dan bukti yang dikehendaki oleh Kami berhubung dengan sebarang tuntutan di bawah mana-mana Perlindungan Takaful akan disediakan atas perbelanjaan Orang yang Dilindungi dalam bentuk dan keadaan seperti yang mungkin Kami kehendaki .
- 32.7 HUPK atau Kejadian yang Dilindungi bagi tuntutan yang dibuat mesti didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan mesti disokong dengan bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang boleh diterima oleh Kami; semua bukti perubatan tersebut mesti diberi atas perbelanjaan orang yang menuntut, dan dalam bentuk seperti yang Kami kehendaki.
- 32.8 Jika dikehendaki oleh Kami, Orang yang Dilindungi mesti menjalani pemeriksaan perubatan dengan Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami berhubung dengan HUPK atau Kejadian yang Dilindungi bagi sesuatu tuntutan yang telah dibuat.
- 32.9 Jika dikehendaki oleh Kami, Orang yang Dilindungi mesti memberikan bukti hilang upaya kekal yang memuaskan dan kesinambunganya mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami berkaitan dengan HUSK atau Kemalangan Diri sebelum sebarang pembayaran dibuat mengikut Jadual Pampasan bagi Sijil ini.
- 32.10 Melainkan dilarang undang-undang, Kami boleh memeriksa badan dan menjalankan autopsi sebelum membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

33. BUNUH DIRI

Jika Orang yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, Sijil Takaful berhubung dengan Orang yang Dilindungi akan terbatal. Di bawah keadaan tersebut, tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik perkara berikut:

- 33.1 Nilai Tunai (tidak termasuk Lebihan Pengunderaitan, jika ada); dan

- 33.2 Jumlah yang ditolak untuk *Tabarru'* selepas ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Orang yang Dilindungi.

PERUNTUKAN LAIN (Fasal 34 - 44)

34. TIDAK BOLEH DIPERTIKAIAKAN

- 34.1 Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil Takaful ini dalam sepanjang hidup Orang yang Dilindungi selepas dua (2) tahun dari Tarikh Berkuat kuasa, melainkan terdapat penipuan.
- 34.2 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal atas apa jua sebab (kecuali sebab yang dinyatakan dalam Fasal 33 di atas), tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik perkara berikut, jika ada:
- 34.2.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi; dan
 - 34.2.2 Baki jumlah dalam PIA (tidak termasuk Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada);
- ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Orang yang Dilindungi serta sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.

35. REMEDI UNTUK SALAH NYATA

- 35.1 Fasal ini hanya digunakan jika tempoh Sijil ini adalah dua (2) tahun atau kurang dari Tarikh Berkuat Kuasa.
- 35.2 Kami boleh membatalkan Sijil, mengikut budi bicara Kami, jika berlaku sebarang Salah Nyata yang dilakukan oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi sebelum kontrak dibuat berkaitan dengan semua Maklumat Penting ketika memohon Sijil ini, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan sebagai:-
- 35.2.1 Salah Nyata sengaja atau melulu;
 - 35.2.2 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami tidak akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil ini; atau
 - 35.2.3 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil ini.
- 35.3 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal menurut Fasal 35.2.1 di atas, tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik perkara berikut, jika ada:
- 35.3.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi; dan
 - 35.3.2 Baki jumlah dalam PIA (tidak termasuk Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada);
- ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Orang yang Dilindungi dan juga sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.
- 35.4 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal menurut Fasal 35.2.2 di atas, tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik yang berikut, jika ada:
- 35.4.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi;
 - 35.4.2 Baki jumlah dalam PIA (tidak termasuk Lebihan Pengunderaitan, jika ada);
 - 35.4.3 *Tabarru'* yang telah ditolak; dan
 - 35.4.4 Keuntungan Pelaburan.
- ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Orang yang Dilindungi serta sebarang hutang di bawah Sijil ini. Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.
- 35.5 Jika Sijil ini dikeluarkan atau diperbaharui menurut Fasal 35.2.3 di atas, Kami, mengikut budi bicara Kami, boleh:
- 35.5.1 Mengubah sebarang terma dan syarat Sijil ini serta menganggap seolah-olah Sijil ini telah dikeluarkan atau diperbaharui bagi terma dan syarat yang telah diubah; dan
 - 35.5.2 Jumlah yang akan dibayar bagi tuntutan akan dikurangkan sewajarnya mengikut polisi Kami yang relevan pada masa yang material.

36. PINDAAN SYARAT SIJIL

- 36.1 Kami berhak untuk mengubah terma dan syarat Sijil ini dengan memberikan notis tiga (3) bulan sebelumnya secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir Pemegang Sijil Induk yang diketahui dalam rekod Kami dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa dari Ulang Tahun Sijil yang berikutnya.
- 36.2 Pemegang Sijil Induk hendaklah melaksanakan tanggungjawab untuk memaklumkan kepada Orang yang Dilindungi ke atas mana-mana pindaan atau pertukaran. Sebarang pindaan atau pertukaran pada Sijil hendaklah mengikat semua Orang yang Dilindungi, walaupun apa pun tarikh Orang yang Dilindungi terima pemberitahuan apa-apa pindaan atau pertukaran.
- 36.3 Tiada pertukaran pada Sijil ini akan sah melainkan dibenarkan oleh Kami dan kelulusan tersebut kemudiannya disahkan.

37. PENAMATAN

- 37.1 Kita berhak menamatkan Sijil ini pada bila-bila masa mengikut budi bicara Kami dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk, mengikut kes yang berkenaan, bagi mana-mana kejadian berikut:-
 - 37.1.1 jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat Sijil ini oleh Pemegang Sijil Induk; atau
 - 37.1.2 jika sebarang maklumat atau dokumen yang disediakan oleh Pemegang Sijil Induk kepada Kami di bawah Fasal 2.2 di atas didapati tidak tepat atau tidak benar.
- 37.2 Pemegang Sijil Induk berhak menamatkan Sijil ini pada tarikh Ulang Tahun Sijil dengan memberi tiga (3) bulan notis bertulis kepada Kami.
- 37.3 Dalam mana-mana keadaan apabila berlaku pelanggaran terma dan syarat Sijil ini atau peruntukan yang tidak tepat atau maklumat yang tidak betul atau telah dilakukan oleh mana-mana Orang yang Dilindungi, Kami berhak menamatkan Sijil Takaful berhubung dengan Orang yang Dilindungi dengan memberi notis bertulis secara serta-merta kepada Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi, mengikut kes yang berkenaan.
- 37.4 Kami berhak menganggap Sijil ini ditutup bagi permohonan masa depan pada bila-bila masa, mengikut budi bicaranya dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk. Tiada permohonan yang diterima oleh Kami akan diproses atau diterima oleh Kami selepas notis tiga (3) bulan tersebut tamat tempoh.
- 37.5 Apabila Sijil ini tamat, Sijil Takaful akan ditamatkan serta merta dan tiada lagi berkuat kuasa ke atas semua pihak.
- 37.6 Sijil Takaful akan ditamatkan serta merta apabila salah satu kejadian berikut berlaku;
 - 37.6.1 jika baki jumlah PIA kurang atau bersamaan dengan sifar; atau
 - 37.6.2 apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia; atau
 - 37.6.3 apabila Orang yang Dilindungi mengalami HUPK; atau
 - 37.6.4 apabila agregat jumlah manfaat yang boleh dibayar di bawah Jadual Pampasan Sijil ini bersamaan dengan seratus peratus (100%) Jumlah Perlindungan; atau
 - 37.6.5 apabila kedua-dua tuntutan Penyakit Kritis dan Penyakit Terminal (selain daripada tuntutan Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari) di bawah Sijil ini diterima dan/atau keseluruhan jumlah perlindungan bagi kedua-dua tuntutan bersamaan dengan Jumlah Perlindungan Asas mana-mana yang terdahulu; atau
 - 37.6.6 apabila Tarikh Tamat Tempoh; atau
 - 37.6.7 apabila Orang yang Dilindungi bukan lagi Ahli yang Layak; atau
 - 37.6.8 apabila Orang yang Dilindungi memilih untuk menarik balik/menyerahkan Sijil ini; atau
 - 37.6.9 apabila Sijil ini atau Sijil Takaful ditamatkan menurut terma dan syarat Sijil ini.
- 37.7 Setelah penamatkan Sijil ini dan/atau Sijil Takaful disebabkan sebarang alasan, jumlah baki PIA (jika ada) akan dibayar dan Kami tidak akan mempunyai tanggungjawab undang-undang lagi di bawah Sijil ini.
- 37.8 Setelah penamatkan Sijil ini dan/atau Sijil Takaful tertakluk kepada syarat 37.6.8 yang dinyatakan di Fasal 37.6 di atas, tiada penguatkuasaan semula dibenarkan bagi Orang yang Dilindungi.

38. PENERIMAAN ARAHAN

Kami hanya akan menerima arahan, permintaan atau notis apabila borang, dokumen, maklumat dan persetujuan seperti yang dikehendaki oleh Kami, telah diterima.

39. PERUBAHAN RISIKO

- 39.1 Sijil ini bebas daripada sekat yang berhubung dengan kediaman, pekerjaan dan perjalanan.
- 39.2 Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi hendaklah memberi notis bertulis serta merta kepada Kami bagi sebarang perubahan dalam pekerjaan, tabiat, usaha, negeri atau kediaman Orang yang Dilindungi dan perlu membayar sebarang caruman tambahan yang mungkin dikenakan oleh Kami. Notis bertulis hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Kami atau mana-mana pejabat cawangan Kami dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh suatu tuntutan dibuat. Kegagalan untuk memberikan notis dalam tempoh yang dibenarkan tidak akan membatalkan dan memberikan sebarang implikasi kepada tuntutan jika terbukti tiada kemungkinan yang munasabah untuk memberikan notis dan notis diberikan secepat mungkin jika terdapat kemungkinan yang munasabah.

40. NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

- 40.1 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyerat yang dikeluarkan oleh Kami di bawah nama Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi, hendaklah dibuat secara bertulis. Alamat surat-menyerat, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi adalah seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan Takaful Keluarga melainkan terdapat sebarang makluman perubahan kepada Kami.
- 40.2 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyerat yang diberi oleh Kami kepada Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi hendaklah dianggap sebagai telah diterima secara muktamad bagi yang berikut:
 - 40.2.1 untuk serahan sendiri, pada hari serahan;
 - 40.2.2 untuk pos biasa atau pos berdaftar pra-bayar, tujuh (7) hari selepas tarikh pos, untuk pos ke suatu alamat di Malaysia, dan empat belas (14) hari, jika pos ke alamat luar dari Malaysia;
 - 40.2.3 untuk penghantaran melalui e-mel atau perkhidmatan pesanan ringkas, pada hari ia dihantar; atau jika diterbitkan dalam surat khabar harian tempatan, pada hari ia diterbitkan;
 - 40.2.4 untuk penerbitan dalam surat khabar harian tempatan, pada hari ia diterbitkan; atau
 - 40.2.5 untuk dimuat naik dalam laman sesawang rasmi Kami atau laman sesawang lain, hari mana yang paling kemudian bagi penghantaran secara elektronik atau hari pemberitahuan berasingan telah diterima oleh Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi berkenaan penghantaran secara elektronik melalui sebarang cara yang berkesan seperti disediakan dalam Fasal-Fasal 40.2.1, 40.2.2, 40.2.3 atau 40.2.4 masing-masing, seperti ditentukan Kami dari semasa ke semasa.
- 40.3 Dengan syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal-fasal 40.1 dan 40.2 di atas, dalam hal apabila sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyerat dikembalikan semula selepas Kami telah membuat sekurang-kurangnya dua (2) percubaan berturut-turut untuk menyerahkannya kepada Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi. Kami boleh menahan semua notis, permintaan, arahan atau surat-menyerat seterusnya mengikut budi bicaranya, atas risiko Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi sendiri, sehingga Kami telah diberitahu oleh Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi mengenai alamat surat-menyerat atau alamat e-mel atau nombor telefon bimbit baru Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi.

41. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 41.1 Sijil ini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan Mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Sijil ini.
- 41.2 Kami berhak meminda terma dan syarat Sijil (kecuali Fasal 36 di atas) ini pada bila-bila masa dengan mematuhi sebarang perubahan perundangan dan peraturan, pengubahsuaian atau pindaan berkanun yang digubal dari semasa ke semasa, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi menurut Fasal 'Notis dan Surat-Menyerat' dalam Hak Istimewa dan Syarat ini.

42. HAD PENETAPAN DAN PENGECUALIAN

Kami berhak untuk tidak:

- 42.1 memberikan Perlindungan Takaful, termasuk semua manfaat yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Perlindungan Takaful tersebut ataupun dianggap sebagai menyediakan Perlindungan Takaful tersebut (dan jika pembayaran telah dibuat oleh Pemegang Sijil Induk di bawah Sijil, pembayaran tersebut tidak akan dianggap diterima dan diterima oleh Kami); atau
- 42.2 diwajibkan untuk membayar sebarang jumlah, termasuk namun tidak terhad kepada pembayaran tuntutan, pengembalian caruman, penyerahan atau pembatalan pembayaran; sekiranya memberikan Perlindungan Takaful atau pembayaran jumlah tersebut akan mendedahkan kami kepada sebarang penetapan, larangan, sekatan atau pelanggaran sebarang undang-undang dan/atau peraturan yang ditadbir mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang mengawal selia dan berkelayakan atau sebarang penguatkuasaan undang-undang dalam mana-mana negara.

43. AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (PDPA)

- 43.1 Kami akan dapat memproses Data Peribadi menurut Seksyen 4 PDPA dan mendedahkan Data Peribadi yang diberikan oleh Pemegang Sijil Induk dan Orang yang Dilindungi, mengikut konteks yang mungkin diperlukan, bertujuan untuk memenuhi pengumpulan atau mematuhi undang-undang, peraturan atau keperluan polisi dalaman Kami.
- 43.2 Pemegang Sijil Induk akan sentiasa mengemas kini Kami berhubung dengan semua Data Peribadi tersebut secepat mungkin. Kami tidak akan bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung akibat ketidaktepatan atau ketidak lengkapannya dalam Data Peribadi yang diberikan kepada Kami.
- 43.3 Kami akan meminta Pemegang Sijil Induk dari semasa ke semasa untuk memberikan Data Peribadi Pemegang Sijil Induk yang lain yang diperlukan bagi Sijil ini. Sebelum memberi Data Peribadi Orang yang Dilindungi kepada Kami, atau individu lain, Pemegang Sijil Induk mesti memberitahu individu tersebut mengenai notis privasi Kami.
- 43.4 Bagi Notis Peribadi yang lebih lanjut, sila rujuk laman web Kami di www.greateasterntakaful.com.

44. HAD SUMBANGAN

Sekiranya jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil(-Sijil) Pemegang Sijil Induk dalam tahun kalender berjumlah RM10 dan ke bawah disebabkan Sijil(-Sijil) Pemegang Sijil Induk luput, serahan, penamatian atau matang (termasuk semua produk). Kami akan menyalurkan jumlah tersebut kepada mana-mana pertubuhan kebaikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Walau bagaimanapun, jika Pemegang Sijil Induk tidak bersetuju, permintaan bertulis yang rasmi perlu dihantar kepada Kami.

END OF PAGE

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK: SS001, SS002, SS003 & SS004

JADUAL MANFAAT

Pelan	Pelan 10 (Intan/Delima/ Topas) (RM)	Pelan 20 (Zamrud) (RM)	Pelan 30 (Nilam) (RM)	Pelan 300 (Berlian) (RM)
Kematian	25,000	50,000	75,000	1,000,000
HUPK	25,000	50,000	75,000	1,000,000
HUSK (disebabkan secara semulajadi)	-	-	-	200,000
Kematian akibat Kemalangan di Malaysia (termasuk di dalam Pengangkutan Awam)	25,000	50,000	75,000	Dibayar di bawah Manfaat Kematian
Kematian akibat Kemalangan di luar Malaysia	50,000	100,000	150,000	Dibayar di bawah Manfaat Kematian
HUPK Akibat Kemalangan	25,000	50,000	75,000	Dibayar di bawah Manfaat HUPK
HUSK Akibat Kemalangan (Hilang Upaya Kekal yang Lain)	25,000	50,000	75,000	200,000
Penyakit Terminal	12,500	25,000	37,500	200,000
45 Penyakit Kritikal	12,500	25,000	37,500	200,000
Manfaat Elaun Kemasukan Hospital (52 minggu bagi setiap hilang upaya)	25	50	70	250
Pemulangan Jenazah	-	-	-	10,000
Manfaat Ihsan				
Pendeposit:	2,800	3,000	3,000	25,000
Pasangan:	2,800	3,000	3,000	12,500
Anak (sehingga 5 orang anak):	1,200 setiap seorang	1,500 setiap seorang	1,500 setiap seorang	5,000 setiap seorang

Kadar Caruman:

Pelan	Pelan 10 (Intan/Delima/ Topas)	Pelan 20 (Zamrud)	Pelan 30 (Nilam)	Pelan 300 (Berlian)
Caruman Bulanan	RM 10	RM 20	RM 30	RM 300

Nota:

Kami berhak mengubah kadar caruman berdasarkan Fasal 12 Sijil ini.

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK: SS001, SS002, SS003 & SS004

JADUAL PAMPASAN

Bahagian	Kehilangan	% Jumlah Manfaat
A	HILANG UPAYA PENUH DAN KEKAL	100%
B	HILANG UPAYA KEKAL YANG LAIN (Tertakluk kepada jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat)	
	Kehilangan kedua-dua tangan	100%
	Kehilangan kedua-dua kaki	100%
	Kehilangan penglihatan kedua-dua belah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
	Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	100%
	Kegilaan yang disahkan secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
	Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di atas katil secara kekal	100%
	Sebarang kecederaan lain yang mengakibatkan hilang upaya total dan kekal	100%
	Lumpuh keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan	100%
	Kehilangan lengan daripada bahu	100%
	Kehilangan lengan di antara bahu dan siku	100%
	Kehilangan lengan pada siku	100%
	Kehilangan lengan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
	Kehilangan lengan pada pergelangan tangan	100%
	Kehilangan kaki pada pinggul	100%
	Kehilangan kaki di antara lutut dan pinggul	100%
	Kehilangan kaki di bawah lutut	100%
	Kehilangan mata – keseluruhan	100%
	Kehilangan mata – penglihatan	100%
	Kehilangan penglihatan sebelah mata secara keseluruhan dan tidak boleh dipulihkan kecuali cerapan cahaya	50%
	Kehilangan kanta mata	50%
	Kehilangan empat jari dan ibu jari tangan pada sebelah tangan	50%
	Kehilangan empat jari tangan	40%
	Kehilangan ibu jari	
	i. dua falanks	25%
	ii. satu falanks	10%
	Kehilangan jari telunjuk	
	i. tiga falanks	10%
	ii. dua falanks	8%
	iii. satu falanks	4%
	Kehilangan jari tengah	
	i. tiga falanks	6%
	ii. dua falanks	4%
	iii. satu falanks	2%
	Kehilangan jari manis	
	i. tiga falanks	5%
	ii. dua falanks	4%
	iii. satu falanks	2%
	Kehilangan jari kelengkeng	
	i. tiga falanks	4%
	ii. dua falanks	3%
	iii. satu falanks	2%

Kehilangan metakarpus i. pertama atau kedua(tambahan) ii. ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3% 2%
Kehilangan jari kaki i. semua ii. dua ibu falanks iii. satu ibu falanks iv. selain daripada ibu jari kaki, jika kehilangan lebih daripada satu jari kaki setiap satu	15% 5% 2% 1%
Kehilangan pendengaran i. kedua-dua telinga ii. sebelah telinga	75% 15%
Kehilangan pertuturan keseluruhan	50%

Sebarang bentuk hilang upaya kekal akan dinilai oleh Kami mengikut budi bicara Kami, serta sebarang perkadaran Jumlah Perlindungan yang dibayar hendaklah menurut kadar pampasan yang dicadangkan oleh Pengamal Perubatan Kami agar konsisten dengan kadar pampasan yang berkenaan seperti dinyatakan dalam Jadual Pampasan ini.

GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)

CAJ

UNTUK DILAMPIRKAN PADA DAN DIBACA SEBAGAI
SEBAHAGIAN DARIPADA NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK: SS001, SS002, SS003 & SS004

Caj Pendahuluan:

Caj Pendahuluan bersamaan dengan 31% daripada jumlah caruman.

Nota:

- Caj Pendahuluan digunakan untuk memenuhi bayaran komisen kepada pengantara dan perbelanjaan am Pengendali Takaful.
- Kadar yang diperuntukkan ke dalam PIA dan *Tabarru'*, sebagai peratusan daripada caruman yang diperuntukkan.

***Tabarru'*:**

Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada PIA, yang setara dengan 69% daripada caruman kasar.



ENDORSMEN
KEPADA SIJIL INDUK – SIMPAN SSPN PLUS

NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK.	:	SS001, SS002, SS003 & SS004
TARIKH KELUARAN	:	25-08-2023
TARIKH PERMULAAN SIJIL INDUK	:	03-09-2021
TARIKH ENDORSEMEN	:	03-09-2023
PEMEGANG SIJIL INDUK	:	PERBADANAN PENDIDIKAN TABUNG NASIONAL (PTPTN) TINGGI
ALAMAT PEMEGANG SIJIL INDUK	:	TINGKAT BAWAH, MENARA PTPTN, BLOK D, MEGAN AVENUE II, NO. 12 JALAN YAP KWAN SENG, 50450, KUALA LUMPUR
PENGENDALI TAKAFUL	:	Great Eastern Takaful Berhad 201001032332 (916257-H)

ENDORSMEN

DILAMPIRKAN DAN DIBACA BERSAMA
NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK: SS001, SS002, SS003 & SS004

Berikut digunakan untuk Sijil ini:

1. Fasal 1 **DEFINISI DAN TAFSIRAN** dikeluarkan dengan berikut:

“**Hibah**” bermaksud hadiah dan konsep ini digunakan apabila Kami memberi manfaat daripada Dana Pengendali Takaful kepada Peserta.

2. Fasal **WAKALAH** ditambah dengan berikut:

1. Anda bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan pelan Takaful ini dan melabur Dana *Tabarru'*. Kami diberi kuasa untuk melaksanakan perniagaan Takaful mengikut prinsip Syariah, keperluan undang-undang dan peraturan serta terma yang dinyatakan di sini. Sebagai balasan kepada tugas yang akan dilaksanakan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Anda bersetuju untuk membayar Caj Pendahuluan kepada Kami.
 2. Atas keadaan yang akan dianggap sebagai salah urus, kecuaian atau pelanggaran terma yang ditetapkan, Kami akan bertanggungjawab dan akan membayar pampasan bagi kerugian atau kerosakan termasuk apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Anda.
 3. Kontrak *Wakalah* akan dibubarkan apabila matang, penamatkan disebabkan serahan atau sebarang keadaan seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 37. Kami berhak menerima Caj Pendahuluan untuk perkhidmatan yang diberikan.
3. Fasal 18 **DANA TABARRU' DAN AKAUN INDIVIDU PESERTA (PIA)** ditambah dengan berikut:
 - 18.3. Sekiranya terdapat deficit atau kerugian dalam Dana *Tabarru'* atau PIA disebabkan oleh salah urus atau kecuaian Kami, Kami akan membuat pemindahan langsung untuk membetulkan deficit atau kerugian, jika berkenaan.
 4. Fasal 19 **LEBIHAN PENGUNDERAITAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:
 - 19.2 Lebihan Pengunderaitan yang boleh diagihkan akan ditentukan setelah sebahagian yang sesuai darinya, disimpan untuk tujuan kecemasan sebelum ia dikongsi di antara Pemegang Sijil Induk/Orang yang Dilindungi dan Kami masing-masing dengan kadar 50% dan 50%. Bahagian Pemegang Sijil Induk /Orang yang Dilindungi kepada Lebihan Pengunderaitan (jika ada) akan dikreditkan ke dalam PIA. Kami berhak mendapat Lebihan Pengunderaitan berdasarkan kontrak *Ju'alah*. Jumlah yang diperuntukkan akan dikreditkan ke dalam akaun bank Orang yang Dilindungi.

5. Fasal 21 **MANFAAT KEMATIAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:

- 21.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi meninggal dunia semasa dilindungi di bawah Sijil ini, Kami akan membayar sepenuhnya:
21.1.1 Jumlah Perlindungan Asas pada tarikh kematian dari Dana *Tabarru'*, dan dijamin, dan

6. Fasal 23 **MANFAAT HILANG UPAYA PENUH DAN KEKAL (HUPK)** dipinda dan digantikan dengan berikut:

- 23.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas menerima dan meluluskan bukti umur dan/atau keterangan lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi menjadi HUPK sebelum Ulang Tahun Sijil apabila mencapai umur tujuh puluh tahun (70) tahun hari lahir berikutnya semasa dilindungi di bawah Sijil ini, Kami akan membayar:
23.1.1 Jumlah Perlindungan Asas apabila diberitahu mengenai hilang upaya dari Dana *Tabarru'*, dan dijamin, dan

7. Fasal 24 **MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL** ditambah dengan berikut:

- 24.4 Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.

TAKRIF KEJADIAN YANG DILINDUNGSI

- (9) "Kardiomiopati – Keterukan Tertentu" : Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III NYHA mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.

Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa juu aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.

- (22) "Serangan Jantung – : Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan keterangan tertentu"
- : semua bukti berikut:
- (i) sejarah sakit dada tipikal;
 - (ii) perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
 - (iii) peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
 - (a) Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium $> / = 0.5$ ng/ml

Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
- peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari

- (38) "Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – Keterangan Tertentu"
- : Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.

Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.

Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:

- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.

8. Fasal 25 **MANFAAT PENYAKIT TERMINAL** dipinda dan digantikan seperti berikut:

- 25.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila Orang yang Dilindungi didiagnosis menghidap Penyakit Terminal selepas Tempoh Menunggu, Kami akan membayar Jumlah Perlindungan Manfaat Penyakit Terminal, berdasarkan Jadual Manfaat Sijil ini kepada mana-mana Orang Dilindungi di bawah Sijil ini.

- 25.3 Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.
9. Fasal 26 **MANFAAT HILANG UPAYA SEPARA DAN KEKAL (HUSK)** dipinda dan digantikan seperti berikut:
- 26.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti bil, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi mengalami sebarang Kehilangan semasa tempoh penyertaan dan berterusan tanpa henti bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya, manfaat mengikut Jadual Pampasan di bawah Sijil ini akan dibayar.
- Dengan syarat:**
- 26.1.1 Kehilangan mesti berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil apabila dia berumur tujuh puluh (70) tahun hari jadi berikutnya.
- 26.1.2 Setelah pembayaran mana-mana manfaat yang boleh dibayar di bawah Fasal ini, jumlah bagi manfaat yang dibayar akan ditolak daripada Jumlah Perlindungan Asas Sijil Induk Berkelompok. Bagi mengelakkan keraguan, agregat jumlah manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini secara keseluruhan mestilah tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan. Manfaat ini akan berkurang dengan Jumlah Perlindungan Manfaat Hilang Upaya Kekal yang Lain.
- 26.1.3 Hanya satu Kehilangan dalam Jadual Pampasan yang boleh dituntut bagi setiap kejadian.
- 26.2 Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.
10. Fasal 27 **MANFAAT KEMALANGAN DIRI** dipinda dan digantikan seperti berikut:
- Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti salinan bil, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan kepada Kami bahawa Orang yang Dilindungi mengalami sebarang Kehilangan akibat dari Kecederaan, manfaat mengikut Jadual Pampasan di bawah Sijil ini akan dibayar.
- Dengan syarat:**
- 27.1 Kehilangan (selain kematian) mesti berlaku sebelum Ulang Tahun Sijil di mana dia mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari jadi berikutnya.
- 27.2 Semua manfaat dibayar sepenuhnya. Walau bagaimanapun, apabila berlaku Kehilangan satu kelompok Orang yang Dilindungi semasa perjalanan sebagai penumpang dalam Pengangkutan Awam bersama-sama, tanggungjawab Kami di bawah Sijil ini adalah terhad kepada RM2,000,000.
- 27.3 Semasa pembayaran sebarang manfaat yang boleh dibayar di bawah Fasal ini, jumlah manfaat yang dibayar akan ditolak daripada Jumlah Perlindungan Manfaat Kemalangan Diri. Bagi mengelakkan keraguan, agregat jumlah manfaat yang dibayar di bawah Sijil ini secara keseluruhan mestilah tidak melebihi seratus peratus (100%) daripada Jumlah Perlindungan Manfaat Kemalangan Diri.
- 27.4 Bahagian A Jadual Pampasan: Hilang Upaya Penuh dan Kekal
- 27.4.1 Hilang Upaya Penuh dan Kekal berhubung dengan mana-mana Orang yang Dilindungi mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Kami, sebagai bukti telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya.

- 27.4.2 Pembayaran manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal di bawah Fasal ini adalah tertakluk kepada had jumlah Hilang Upaya Penuh dan Kekal tidak melebihi RM2,000,000 di bawah Sijil ini dan semua Sijil Induk Berkelompok termasuk sijil tambahan, aneksur dan endorsmen, jika ada, (semua sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Kami dengan sebarang nama atau penerangan yang memberi manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal ke atas Orang yang Dilindungi yang sama.
- 27.5 **Bahagian B Jadual Pampasan: Hilang Upaya Kekal yang Lain**
Hanya satu Kehilangan di Bahagian B Jadual Pampasan yang boleh dituntut dalam satu Kemalangan.
- 27.6 Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.

11. Fasal 28 **MANFAAT ELAUN KEMASUKAN HOSPITAL** ditambah seperti berikut:

Tempoh agregat semua Kemasukan Hospital bagi Orang yang Dilindungi terhad kepada maksimum had keseluruhan lima puluh dua (52) minggu bagi setiap kemasukan hilang upaya di bawah Sijil ini. Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.

12. Fasal 29 **MANFAAT PEMULANGAN JENAZAH** dipinda dan digantikan seperti berikut:

- 29.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila Orang yang Dilindungi meninggal dunia, Kami akan membayar kos pengangkutan pemulangan jenazah Orang yang Dilindungi akibat kematian di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan/atau kos pengebumian tempatan di tempat kematian tetapi tidak melebihi jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, sepenuhnya selepas penerimaan dan kelulusan bukti yang sewajarnya seperti bil, resit dan/atau bukti lain yang memuaskan bagi Kami bahawa Orang yang Dilindungi mati semasa dilindungi di bawah Sijil ini.
- 29.2 Sebarang baki jumlah dari PIA berhubung dengan Orang yang Dilindungi akan dikumpul dan dibayar pada Tempoh Perlindungan tamat.
- 29.3 Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.

13. Fasal 30 **MANFAAT IHSAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:

- 30.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat, apabila berlaku kematian Orang yang Dilindungi, Kami akan membayar Manfaat Ihsan sepenuhnya kepada waris terdekat Orang yang Dilindungi dan tertakluk kepada had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.
- 30.2 Manfaat Ihsan boleh dilanjutkan hanya kepada seorang (1) Pasangan sah Orang yang Dilindungi dan maksimum sehingga lima (5) orang Anak di bawah Sijil ini. Kami akan membayar Manfaat Ihsan untuk Pasangan dan Anak sepenuhnya dan tertakluk kepada had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat. Manfaat ini boleh dibayar lebih daripada sekali untuk Orang yang Dilindungi yang mempunyai berbilang Sijil.
- 30.3 Manfaat ini perlu dibayar dari Dana *Tabarru'* dan dijamin.

14. Fasal 31 **PENGECUALIAN** ditambahkan dengan berikut:

- 31.1 **Manfaat Kematian** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berkaitan dengan sebarang kematian terhadap Orang yang Dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan:
- 31.1.1 bunuh diri sama ada berdasarkan cubaan/disengajakan ketika waras atau tidak waras dalam tempoh satu (1) tahun selepas Tarikh Berkuat Kuasa; atau

- 31.1.2 Kematian akibat Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa bagi Pelan 10 (Intan/Delima/Topas), Pelan 20 (Zamrud) dan Pelan 30 (Nilam).
- 31.7 **Manfaat Ihsan** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berkaitan dengan sebarang kematian terhadap Orang yang Dilindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan:
- 31.7.1 Kematian akibat Penyakit Sedia Ada, melainkan Orang yang Dilindungi telah dilindungi selama lebih daripada dua belas (12) bulan dari Tarikh Berkuat Kuasa bagi Pelan 10 (Intan/Delima/Topas), Pelan 20 (Zamrud) dan Pelan 30 (Nilam).
15. Fasal 31 **PENGECUALIAN** dipinda dan digantikan seperti berikut:
- 31.5 **Manfaat Kemalangan Diri** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berhubung dengan Orang yang Dilindungi berkaitan dengan sebarang Kehilangan disebabkan Kemalangan akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
- 31.5.8 di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang itu dianggap sebagai di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian nafas, darah atau 'urine' melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987; atau
- 31.6 **Manfaat Elaun Kemasukan Hospital** di bawah Sijil ini tidak akan dibayar berhubung dengan Orang yang Dilindungi berkaitan dengan akibat daripada mana-mana perkara berikut sama ada secara langsung atau tidak langsung:
- 31.6.8 di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh Pakar Perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang itu dianggap sebagai di bawah pengaruh alkohol jika keputusan ujian nafas, darah atau 'urine' melebihi had yang ditetapkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987; atau
16. Fasal 34 **TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN** dipinda dan digantikan seperti berikut:
- 34.1 Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil ini selepas berkuat kuasa sepanjang hidup Orang yang Dilindungi bagi tempoh lebih dari dua (2) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa berdasarkan suatu pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dibuat dalam cadangan bagi takaful atau dalam laporan doktor, referi, atau mana-mana orang lain, atau dalam suatu dokumen yang membawa kepada pengeluaran Sijil Anda. Walau bagaimanapun, jika Kami dapat menunjukkan bahawa pernyataan itu adalah mengenai perkara material atau menyekat suatu hakikat material dan bahawa ia dibuat atau ditinggalkan secara fraud oleh Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi, Kami berhak untuk membatalkan Sijil dan menolak semua tuntutan, dalam hal ini Kami akan membayar balik wang yang perlu dibayar di bawah Sijil seperti dalam Klausus 34.2 di bawah. Untuk tujuan penjelasan, "perkara material" atau "hakikat material" bermaksud perkara atau fakta yang, jika diketahui oleh Kami, akan membawa kepada keengganinan Kami untuk mengeluarkan Sijil Pemegang Sijil Induk atau akan membawanya kepada Sijil Pemegang Sijil Induk untuk dikeluarkan dengan terma yang kurang berfaedah kepada Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi.
- 34.2 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal atas apa jua sebab terbatal (kecuali sebab yang dinyatakan dalam Fasal 33 di atas), tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik perkara berikut, jika ada:
- 34.2.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi; dan

34.2.2 Baki jumlah dalam PIA (tidak termasuk Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada);
ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Orang yang Dilindungi serta sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.

17. Fasal 35 **REMEDI UNTUK SALAH NYATA** dipinda dan digantikan seperti berikut:

- 35.3 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal menurut Fasal 35.2.1 di atas, tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik perkara berikut, jika ada:
35.3.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi; dan
35.3.2 Baki jumlah dalam PIA selepas menolak *Tabarru'* (tidak termasuk Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada);
ditolak perbelanjaan yang mungkin ditanggung bagi pemeriksaan perubatan bagi Orang yang Dilindungi dan juga sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.
- 35.5 Jika Sijil ini dikeluarkan atau diperbaharui menurut Fasal 35.2.3 di atas, Kami, mengikut budi bicara Kami, boleh:
35.5.1 Mengubah sebarang terma dan syarat Sijil ini serta menganggap seolah-olah Sijil ini telah dikeluarkan atau diperbaharui bagi terma dan syarat yang telah diubah; dan
35.5.2 Jumlah yang akan dibayar bagi tuntutan akan dikurangkan sewajarnya mengikut polisi Kami yang relevan pada masa yang material Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

18. Fasal 42 **HAD PENETAPAN DAN PENGECUALIAN** dipinda dan digantikan seperti berikut:

Kami berhak untuk tidak memberikan Perlindungan Takaful, termasuk semua manfaat yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan Perlindungan Takaful tersebut ataupun dianggap sebagai menyediakan Perlindungan Takaful tersebut (dan jika pembayaran telah dibuat oleh Pemegang Sijil Induk di bawah Sijil, pembayaran tersebut tidak akan dianggap diterima dan diterima oleh Kami); atau diwajibkan untuk membayar sebarang jumlah, termasuk namun tidak terhad kepada pembayaran tuntutan, pengembalian caruman, penyerahan atau pembatalan pembayaran sekiranya memberikan Perlindungan Takaful atau pembayaran jumlah tersebut akan mendedahkan kami kepada sebarang penetapan, larangan, sekatan atau pelanggaran sebarang undang-undang dan/atau peraturan yang ditadbir mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang mengawal selia dan berkelayakan atau sebarang penguatkuasaan undang-undang dalam mana-mana negara.

Kami boleh menamatkan Sijil ini berkuat kuasa serta merta dan selepas itu tidak perlu melakukan sebarang urusan dengan Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi berkaitan dengan Sijil ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, membuat atau menerima sebarang bayaran di bawah Sijil ini.

19. Fasal 44 **HAD SUMBANGAN** dikeluarkan sepenuhnya.

Semua terma dan syarat Sijil lain akan kekal tidak berubah.



ENDORSMEN 2
KEPADA SIJIL INDUK – SIMPAN SSPN PLUS

NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK.	:	SS001, SS002, SS003 & SS004
TARIKH KELUARAN	:	17-07-2024
TARIKH PERMULAAN SIJIL INDUK	:	03-09-2021
TARIKH ENDORSEMEN	:	22-07-2024
PEMEGANG SIJIL INDUK	:	PERBADANAN PENDIDIKAN TABUNG NASIONAL (PTPTN) TINGGI
ALAMAT PEMEGANG SIJIL INDUK	:	TINGKAT BAWAH, MENARA PTPTN, BLOK D, MEGAN AVENUE II, NO. 12 JALAN YAP KWAN SENG, 50450, KUALA LUMPUR
PENGENDALI TAKAFUL	:	Great Eastern Takaful Berhad 201001032332 (916257-H)

ENDORSMEN 2

DILAMPIRKAN DAN DIBACA BERSAMA
NO. SIJIL INDUK BERKELOMPOK: SS001, SS002, SS003 & SS004

Berikut digunakan untuk Sijil ini:

1. Fasal 1 **DEFINISI DAN TAFSIRAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:

“Endorsmen” bermaksud suatu endorsmen bertulis atau perubahan maklumat, hak istimewa dan syarat Sijil ini. Endorsmen bagi Sijil ini mesti dikeluarkan oleh Kami dari semasa ke semasa.

“Hilang Kegunaan” bermaksud hilang kegunaan anggota badan atau fungsi yang tertentu secara penuh dan tidak dapat dipulihkan; atau putus anggota badan yang tertentu seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Pampasan.

Bagi mengelakkan keraguan, Hilang Kegunaan bagi Orang yang Dilindungi mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar yang dilantik oleh Kami, untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya. Bukti berdokumen yang memuaskan mestilah diberi kepada Kami untuk membuktikan hilang upaya tersebut telah berterusan pada masa pembayaran pendahuluan tahunan yang pertama dan pada setiap pembayaran pendahuluan tahunan yang seterusnya.

Apa sahaja bentuk hilang upaya kekal perlu dinilai oleh Kami dan mana-mana bahagian daripada Jumlah Perlindungan yang perlu dibayar adalah mengikut kadar pampasan yang dicadangkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar yang dilantik oleh Kami sebagai konsisten dengan kadar pampasan yang dikenakan seperti yang terdapat di dalam Jadual Pampasan.

2. Fasal 2 **SIJIL INDUK BERKELOMPOK** dipinda dan digantikan dengan berikut:

2.6 Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi hendaklah membayar Caruman/ Sumbangan Takaful kepada Kami secara potongan dari bank, potongan gaji atau jenis bayaran lain yang ditentukan oleh Kami. Jika Orang yang Dilindungi bukan lagi seorang Ahli, semua Caruman/Sumbangan Takaful yang perlu dan hendaklah dibayar bagi Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi mestilah dibayar kepada Kami secara potongan dari bank atau jenis bayaran lain yang ditentukan oleh Kami. Kami berhak menamatkan Perlindungan Takaful bagi Orang yang Dilindungi jika jenis bayaran yang dinyatakan dalam Fasal 2.6 ini atau seperti ditentukan oleh Kami dari semasa ke semasa tidak dipatuhi oleh Orang yang Dilindungi.

3. Fasal 3 **KELAYAKAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:

3.4 Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah ditentukan oleh Kami.

4. Fasal 4 **KEPERLUAN DATA** dipinda dan digantikan dengan berikut:

4.2 Bukti kesihatan yang memuaskan diperlukan oleh Kami sebelum penerimaan suatu Perlindungan Takaful atau sebarang penambahan terhadap Jumlah Perlindungan atau manfaat. Sebarang variasi atau penepian sebelum ini adalah ditentukan oleh Kami.

5. Fasal 5 **TAHAP MANFAAT TAKAFUL** dipinda dan digantikan dengan berikut:
 - 5.1 Setiap Orang yang Dilindungi yang layak, berhak memilih Jumlah Perlindungan yang akan melindunginya di bawah Sijil Takaful, tertakluk kepada pengeluaran bukti layak boleh dilindungi dalam bentuk dan cara yang ditentukan serta memuaskan Kami, tertakluk kepada terma dan syarat Sijil ini.
 - 5.3 Jika bukti layak boleh dilindungi yang memuaskan sedemikian tidak diberi atau jika Orang yang Dilindungi dianggap tidak boleh dilindungi oleh Kami, Perlindungan Takaful tidak akan berkuat kuasa di bawah Sijil ini.
6. Fasal **WAKALAH** ditambah dengan berikut:
 1. Anda bersetuju untuk melantik dan memberi kuasa kepada Kami untuk menguruskan pelan Takaful ini dan melabur Dana *Tabarru'*. Kami diberi kuasa untuk melaksanakan perniagaan Takaful mengikut prinsip Syariah, keperluan undang-undang dan peraturan serta terma yang dinyatakan di sini. Sebagai balasan kepada tugas yang akan dilaksanakan dan berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, Anda bersetuju untuk membayar Caj Pendahuluan kepada Kami.
 2. Atas keadaan yang akan dianggap sebagai salah urus, kecuaian atau pelanggaran terma yang ditetapkan, Kami akan bertanggungjawab dan akan membayar pampasan bagi kerugian atau kerosakan termasuk apa-apa kos sebenar yang ditanggung oleh Anda.
 3. Kontrak *Wakalah* akan dibubarkan apabila matang, penamatkan disebabkan serahan atau sebarang keadaan seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 37. Kami berhak menerima Caj Pendahuluan untuk perkhidmatan yang diberikan.
 4. Bagi mengelakkan keraguan, salah urus dan kecuaian adalah seperti tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - 4.1 kurang pendedahan mengenai risiko pelaburan yang ditanggung oleh Pemegang Sijil Induk;
 - 4.2 tidak mengikuti strategi pelaburan atau pelaksanaan yang tidak selaras dengan polisi yang diluluskan;
 - 4.3 strategi pelaburan yang diguna oleh Kami tidak konsisten dengan strategi yang telah dipersetujui oleh Pemegang Sijil Induk ketika menyertai Sijil; dan
 - 4.4 maklumat yang mengelirukan yang dinyatakan dalam Risalah Pemberitahuan Produk.
7. Fasal 14 **PENGUATKUASAAN SEMULA PERLINDUNGAN TAKAFUL** dipinda dan digantikan dengan berikut:

Sijil Takaful yang ditamatkan tidak dianggap sebagai dikuatkuasakan semula melainkan Kami telah meluluskan penguatkuasaan semula secara bertulis, jika ada.
8. Fasal 18 **DANA TABARRU' DAN AKAUN INDIVIDU PESERTA (PIA)** dipinda dan digantikan dengan berikut:
 - 18.2 Berdasarkan kontrak Syariah *Mudharabah*, Pemegang Sijil Induk sebagai pemilik modal melantik Kami sebagai pengusaha untuk menjalankan aktiviti pelaburan patuh Syariah untuk Dana *Tabarru'* dan PIA bagi pihak Pemegang Sijil Induk. Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi bahagian peratusan keuntungan pelaburan yang telah ditentukan manakala sebarang kerugian pelaburan ditanggung Pemegang Sijil Induk. Kami sebagai pengusaha tidak dapat menjamin jumlah prinsipal dan jangkaan keuntungan dari pelaburan tersebut.

9. Fasal 24 **MANFAAT PENYAKIT KRITIKAL** dipinda dan digantikan dengan berikut:

TAKRIF KEJADIAN YANG DILINDUNGI

- (1) "Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk" : Kemerosotan atau hilang keupayaan intelektual yang disahkan dengan penilaian klinikal dan ujian imej diakibatkan oleh Penyakit Alzheimer atau Dementia Teruk yang disebabkan oleh kecelaruan otak organik yang tidak boleh pulih. Kejadian yang Dilindungi ini mesti mengakibatkan pengurangan ketara fungsi mental dan sosial yang memerlukan pengawasan berterusan ke atas Peserta/Orang yang Dilindungi. Diagnosis mesti disahkan secara klinikal oleh pakar neorologi.

Berdasarkan definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) kecelaruan otak bukan organik seperti neurosis;
- (ii) penyakit psikiatrik; dan
- (iii) kerosakan otak berkaitan dadah atau alkohol.

- (2) "Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari" : Menjalani Angioplasti Belon Arteri Koronari, arterektoni, rawatan laser atau memasukkan sten buat pertama kali untuk membetulkan satu atau lebih arteri koronari yang sempit atau tersumbat seperti yang dibuktikan oleh angiografi.

Prosedur penyiasatan intra-arteri adalah tidak dilindungi. Pembayaran di bawah klausa ini adalah terhad kepada sepuluh peratus (10%) daripada perlindungan Penyakit Kritikal di bawah Sijil ini tertakluk kepada jumlah maksimum RM25,000. Kejadian yang Dilindungi akan dibayar sekali sahaja dan akan ditolak daripada amaun Sijil ini, sekali gus mengurangkan amaun Jumlah Manfaat yang boleh dibayar.

- (3) "Sindrom Apalik (iaitu Keadaan Vegetatif Berterusan)" : Nekrosis menyeluruh korteks otak dengan pangkal otak tidak terjejas. Diagnosis ini mestilah disahkan pakar perunding neurologi dan berdasarkan temu janji yang dilakukan di hospital yang dibenarkan. Keadaan ini mestilah didokumenkan dari segi perubatan sekurang-kurangnya satu (1) bulan.

- (4) "Meningitis Bakteria – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian" : Meningitis bakteria yang menyebabkan radang pada membran-membran otak atau saraf tunjang yang mengakibatkan kerosakan fungsi kekal. Kerosakan fungsi kekal mesti menyebabkan ketidakupayaan kekal untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai.

Diagnosis hendaklah disahkan oleh:

- (i) seorang doktor pakar yang bersesuaian; dan
- (ii) kehadiran jangkitan kuman (bakteria) di dalam cecair cerebrospina oleh punktur lumbar.

Untuk definisi di atas, lain-lain bentuk meningitis, termasuk meningitis viral adalah tidak dilindungi.

- (5) "Tumor Otak Benign : Tumor benign dalam otak atau meninges dalam tengkorak, di mana semua keadaan berikut dipenuhi:
- (i) ia mengancam nyawa;
 - (ii) ia menyebabkan kerosakan otak;
 - (iii) ia telah dibuang secara pembedahan ataupun ia telah menyebabkan defisit neurologi yang kekal dengan simptom klinikal berterusan; dan
 - (iv) kewujudannya mesti disahkan oleh pakar neurologi atau pakar bedah neurologi dan disokong oleh imbasan MRI, CT atau teknik-teknik pengimejan lain yang boleh dipercayai.
- Berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) sista;
 - (ii) granuloma;
 - (iii) kecacatan dalam atau pada arteri atau vena otak;
 - (iv) hematoma
 - (v) tumor di dalam kelenjar pituitary;
 - (vi) tumor di dalam tulang belakang; dan
 - (vii) tumor saraf akustik.
- (6) "Buta – Kekal dan Tidak Boleh Pulih" : Kehilangan penglihatan kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap apabila diuji menggunakan alat bantuan penglihatan, penglihatan diukur pada 3/60 atau lebih teruk untuk kedua-dua belah mata menggunakan carta mata Snellen atau ujian yang setara dan keputusan tersebut mestilah disahkan oleh pakar oftalmologi.
- (7) "Pembedahan Otak" : Menjalani pembedahan ke atas otak di mana kraniotomi (pembedahan bukaan tengkorak) dilakukan di bawah anestesia am.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) prosedur lubang gerudi (burr hole);
 - (ii) prosedur transfenoid;
 - (iii) prosedur bantuan endoskopik atau lain-lain prosedur invasif secara minimum; dan
 - (iv) pembedahan otak akibat kemalangan.
- (8) "Kanser – Keterangan Tertentu dan Tidak Melindungi Kanser Tahap Awal" : Sebarang tumor malignan yang didiagnos positif dengan pengesahan histologi dan bercirikan pertumbuhan sel malignan yang tidak terkawal dan serangan tisu. Terma tumor malignan termasuk leukimia, limfoma dan sarcoma.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) semua kanser yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai berikut:
 - (a) pra-malignan;
 - (b) bukan invasieve;
 - (c) karsinoma in situ;
 - (d) mempunyai malignan pinggiran (borderline);
 - (e) mempunyai potensi malignan;
 - (ii) semua tumor prostat yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
 - (iii) semua tumor tiroid yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);

- (iv) semua tumor pundi kencing yang secara histologinya diklasifikasikan sebagai T1N0M0 (Klasifikasi TNM);
(v) leukemia Limfositik Kronik kurang daripada RAI Tahap 3;
(vi) semua kanser dengan kewujudan HIV; dan
(vii) sebarang kanser kulit selain melanoma malignan.
- (9) "Kardiomiopati – Keterukan Tertentu" : Diagnosis muktamad kardiomiopati oleh pakar kardiologi yang menyebabkan kerosakan fungsi ventrikel kekal dan menyebabkan kerosakan fizikal kekal pada sekurang-kurangnya klasifikasi kelas III NYHA mengenai kerosakan jantung. Diagnosis hendaklah disokong oleh hasil penemuan ekokardiografik untuk prestasi ventrikel yang dikompromi.
- Kardiomiopati yang berkait langsung dengan penyalahgunaan alkohol atau dadah adalah tidak dilindungi.
- Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:
- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.
- (10) "Anemia Aplastik Kronik – Mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang" : Kegagalan kekal dan tidak boleh pulih sumsum tulang yang menyebabkan anemia, neutropenia dan trombositopenia memerlukan sekurang-kurangnya dua (2) daripada rawatan berikut:
- (i) transfusi produk darah berkala;
 - (ii) agen perangsang sumsum;
 - (iii) agen imunosupresif; atau
 - (iv) transplant sumsum tulang.
- Diagnosis mesti disahkan oleh biopsi sumsum tulang.
- (11) "Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik" : Lebih daripada tiga (3) serangan radang pankreas yang mengakibatkan ketidakfungsi pankreas kekal yang menyebabkan serapan nutrien tidak sempurna sehingga memerlukan terapi penggantian enzim.
- Diagnosis mestilah dibuat oleh seorang pakar perunding gastroenterologi dan disahkan dengan Kolangiopankreatografi Retrograd Endoskopik (ERCP).
- Keradangan Pankreas Berulang dan Kronik disebabkan pengambilan alkohol atau dadah adalah dikecualikan.
- (12) "Koma Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal yang Berterusan" : Keadaan tidak sedar diri tanpa sebarang gerak balas atau tindak balas terhadap rangsangan luar atau keperluan dalaman, yang berterusan untuk sekurang-kurangnya sembilan puluh enam (96) jam, memerlukan penggunaan sistem sokongan hayat dan mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari

adalah diguna pakai. Pengesahan oleh pakar neurologi mesti dikemukakan.

Berikut adalah tidak dilindungi:

Koma diakibatkan langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

- (13) "Pembedahan Pintasan Arteri Koronari" : Merujuk kepada pembedahan bukaan dada sebenar untuk memulihkan atau merawat Penyakit Arteri Koronari (CAD) dengan cara cantuman pintasan arteri koronari.
Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
(i) angioplasti;
(ii) teknik intra-arteri yang lain atau teknik berasaskan kateter;
(iii) prosedur lubang kunci (keyhole); dan
(iv) prosedur laser.
- (14) "Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila)" : Penyakit Creutzfeldt-Jakob atau varian Penyakit Creutzfeldt-Jakob berlaku apabila terdapat defisit berkaitan neurologi, menyebabkan Peserta/Orang yang Dilindungi hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan. Keadaan ini mestilah didokumenkan dari segi perubatan sekurang-kurangnya enam (6) bulan dan disahkan pakar perunding neurologi dengan ujian bersesuaian seperti keputusan Elektroensefalografi (EEG) dan Saringan Cecair Serebrospina (CSF) yang muktamad serta imbasan Tomografi Berkomputer (CT) dan Pengimejan Resonan Magnet (MRI).
- "Sakit" disebabkan rawatan hormon tumbesaran manusia adalah dikecualikan.
- (15) "Pekak – Kekal dan Tidak Boleh Pulih" : Hilang Upaya mendengar secara kekal dan tidak boleh pulih akibat kemalangan atau penyakit sehingga suatu tahap kehilangan yang lebih daripada 80 desibel merentasi semua frekuensi pendengaran pada kedua-dua belah telinga. Bukti perubatan di dalam bentuk keputusan ujian audiometri dan ujian ambang bunyi mesti disediakan dan disahkan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).
- (16) "Demam Hemoragik Ebola" : Jangkitan Ebola virus yang menyebabkan demam dan pendarahan dalam atau luaran.
- Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:
(i) Kehadiran virus Ebola telah disahkan melalui ujian makmal;
(ii) Pendarahan mukosa atau gastrointestinal telah berlaku; dan
(iii) Diagnosis Demam Hemoragik Ebola mesti disahkan oleh pakar penyakit berjangkit.
- (17) "Elefantiasis (Penyakit Untut)" : Elefantiasis diakibatkan dan komplikasi daripada filariasis, dicirikan dengan pembengkakan besar pada tisu dalam badan disebabkan gangguan kekal peredaran dalam salur limfa, menyebabkan Peserta/Orang yang Dilindungi hilang upaya kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan.

“Diagnosis” Elefantiasis yang jelas mestilah disahkan secara klinikal oleh seorang “Pakar” untuk penyakit berjangkit atau “Pakar” dalam bidang yang relevan, termasuklah pengesahan makmal bagi mikrofilaria.

Limfoedema disebabkan jangkitan daripada penyakit melalui hubungan seks, trauma, parut selepas pembedahan, kegagalan jantung kongestif atau keabnormalan sistem limfa kongenital adalah dikecualikan.

- (18) “Ensefalitis – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian”
- : Keradangan teruk bahan otak, mengakibatkan kecacatan fungsian kekal. Kecacatan fungsian kekal mesti mengakibatkan ketidakupayaan untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga puluh (30) hari adalah diguna pakai. Kejadian yang Dilindungi mestilah disahkan oleh pakar neurologi.
- Ensefalitis dengan kewujudan jangkitan HIV adalah tidak dilindungi.
- (19) “Kegagalan Hati Tahap Akhir”
- : Kegagalan hati tahap akhir dibuktikan oleh semua yang berikut:
- (i) jaundis kekal;
 - (ii) asites (lebihan cecair dalam kaviti peritoneal); dan
 - (iii) ensefalopati hepatis.
- Kegagalan hati berpunca dari alkohol atau penyalahgunaan dadah adalah tidak dilindungi.
- (20) “Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir”
- : Penyakit paru-paru tahap akhir yang menyebabkan kegagalan pernafasan kronik. Semua kriteria berikut mestilah dipenuhi:
- (i) keperluan rawatan oksigen berkala secara kekal;
 - (ii) gangguan kekal pada fungsi paru-paru dengan Isi padu Ekspirasi Paksa (FEV) yang konsisten kurang daripada satu (1) liter pada saat pertama;
 - (iii) sesak nafas dalam keadaan rehat; dan
 - (iv) analisis Asas Gas Darah Arteri dengan tekanan oksigen separa sebanyak 55mmHg atau kurang.
- (21) “AIDS Dengan Gejala Penuh”
- : Manifestasi klinikal bagi AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) mesti disokong oleh keputusan positif ujian antibodi HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan satu ujian pengesahan. Sebagai tambahan, Peserta/Orang yang Dilindungi perlu mempunyai kiraan sel CD4 kurang daripada dua ratus (200)/ μ L dan memenuhi satu (1) atau lebih kriteria berikut:
- (i) kehilangan lebih daripada 10% daripada berat badan dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang (sindrom susut badan);
 - (ii) Sarkoma Kaposi;
 - (iii) Radang Paru-Paru Pneumocystis Carinii;
 - (iv) leukoensefalopati multifokal progresif;
 - (v) Tuberkulosis (batuk kering) aktif;
 - (vi) Kurang daripada seribu (1,000) Limfosit/ μ L; atau
 - (vii) Limfoma Malignan.

- (22) "Hepatitis Viral Fulminan": Nekrosis (kematian tisu hati) yang separa besar (sub-masif) kepada besar (masif) yang disebabkan oleh sebarang virus seperti yang dibuktikan oleh semua kriteria diagnostik yang berikut:
- (i) penyusutan saiz hati dengan pantas seperti yang disahkan oleh ultrasound abdomen;
 - (ii) nekrosis (kematian tisu) melibatkan keseluruhan lobula, meninggalkan hanya satu rangka retikulum;
 - (iii) ujian kefungsian hati yang semakin merosot; dan
 - (iv) jaundis yang semakin mendalam.
- Jangkitan viral hepatitis atau status pembawa sahaja (termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan Hepatitis C) tanpa kriteria diagnostik di atas adalah tidak dilindungi.
- (23) "Serangan Jantung – Keterukan Tertentu": Kematian otot jantung, disebabkan oleh kekurangan bekalan darah yang telah menyebabkan infarksi miokardium akut dengan semua bukti berikut:
- (i) sejarah sakit dada tipikal;
 - (ii) perubahan ciri baru elektrokardiografik; dengan pembentukan salah satu daripada yang berikut: peningkatan atau penurunan ST, penyongsangan (inversi) gelombang T, patologi gelombang Q atau blok cabang berkas kiri; dan
 - (iii) peningkatan petunjuk kardium, termasuk CPK-MB melebihi tahap normal makmal yang diterima secara umum atau Troponin yang direkodkan berada di peringkat berikut atau lebih tinggi:
 - (a) Troponin T Kardium atau Troponin I Kardium $> / = 0.5 \text{ ng/ml}$.
- Bukti mesti menunjukkan kejadian infarksi miokardium akut adalah pasti, yang mana seharusnya disahkan oleh pakar kardiologi atau pakar perubatan.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- kejadian sindrom koronari akut termasuk tetapi tidak terhad kepada angina tidak stabil; dan
 - peningkatan petunjuk kardium akibat daripada prosedur perkutaneus untuk penyakit arteri koronari
- (24) "Pembedahan Injap Jantung": Menjalani pembedahan jantung terbuka untuk menggantikan atau membaiki injap jantung disebabkan oleh kecacatan atau keabnormalan injap jantung.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) pembedahan menerusi prosedur intra-arteri; dan
 - (ii) pembedahan menerusi pembedahan lubang kunci atau lain-lain teknik yang serupa.
- (25) "Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah": Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) melalui transfusi darah, dengan syarat semua keadaan berikut dipenuhi:
- (i) transfusi darah adalah keperluan dari segi perubatan atau diberi sebagai sebahagian daripada rawatan perubatan;
 - (ii) transfusi darah adalah diterima di Malaysia atau Singapura

- selepas kuatkuasa Sijil;
- (iii) sumber jangkitan adalah didapati daripada institusi yang memberikan transfuse darah atau institusi yang boleh mengesan punca darah yang dicemari HIV;
 - (iv) Peserta/Orang yang Dilindungi tidak menghidap hemofilia; dan
 - (v) Peserta/Orang yang Dilindungi bukan ahli mana-mana kumpulan berisiko tinggi termasuk tetapi tidak terhad kepada pengguna dadah intravena.
- (26) "Kegagalan Buah Pinggang – Memerlukan Dialisis atau Transplan Buah Pinggang"
- : Kegagalan buah pinggang peringkat akhir yang dikemukakan sebagai kegagalan kronik tidak pulih pada kedua-dua buah pinggang untuk berfungsi, yang mengakibatkan dialisis secara berkala dimulakan atau transplan buah pinggang perlu dijalankan.
- (27) "Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)"
- : Pengesahan oleh pakar yang bersesuaian mengenai kehilangan upaya untuk hidup berdikari dan mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai.
- (28) "Hilang Keupayaan Bertutur"
- : Hilang keupayaan bertutur sepenuhnya, berkekalan dan tidak boleh pulih disebabkan oleh kecederaan atau penyakit. Tempoh Penilaian minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai. Bukti perubatan untuk mengesahkan kecederaan atau penyakit kepada peti suara untuk menyokong kehilangan upaya ini mesti diberikan oleh pakar Telinga, Hidung dan Tekak (ENT).
- Semua sebab yang berkaitan psikiatrik adalah tidak dilindungi.
- (29) "Trauma Kepala Major (Teruk) – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian"
- : Kecederaan fizikal di kepala yang mengakibatkan kerosakan kekal terhadap fungsian yang disahkan oleh pakar neurologi. Kerosakan kekal fungsian mesti menyebabkan ketidakupayaan untuk menjalankan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Aktiviti Kehidupan Harian. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan diguna pakai.
- (30) "Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang"
- : Penerimaan transplan seperti berikut:
 - Sumsum tulang manusia menggunakan sel stem hematopoietik didahului dengan ablasi sumsum tulang menyeluruh; atau
 - Salah satu daripada organ-organ manusia berikut: jantung, paru-paru, hati, buah pinggang, pankreas yang tidak dapat dipulihkan akibat kegagalan tahap akhir organ yang berkenaan.
- Lain-lain pemindahan sel stem adalah tidak dilindungi.
- (31) "Penyakit Sistik Medular"
- : Penyakit buah pinggang keturunan yang progresif dicirikan dengan kewujudan sista dalam medula, atrofi tubular dan fibrisis intestinal dengan manifestasi klinikal seperti anemia, poliuria dan kehilangan natrium dari ginjal, yang menyebabkan kegagalan ginjal kronik. Diagnosis mestilah disokong dengan biopsi ginjal.

- (32) "Tuberkulosis Meningeal" : Meningitis disebabkan oleh basil tuberkulosis, menyebabkan kecacatan neurologi kekal selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut. Diagnosis perlu disahkan oleh pakar neurologi dan disokong oleh analisis cecair sarah tunjang melalui punksi lumbar.
- (33) "Penyakit Neuron Motor – Defisit neurologi Kekal dengan Simptom Klinikal Berterusan" : Diagnosis muktamad penyakit neuron motor oleh pakar neurologi dengan merujuk kepada atrofi otot tulang belakang, bulbar palsi progresif, sclerosis amiotrofik lateral atau sclerosis lateral utama. Mesti ada kekurangan neurologi kekal bersama dengan simptom klinikal berterusan.
- (34) "Sklerosis Multipel" : Diagnosis muktamad sklerosis multipel oleh pakar neurologi. Diagnosis mestilah disokong oleh semua perkara berikut:
- (i) siasatan yang mengesahkan bahawa diagnosis adalah Sklerosis Multipel;
 - (ii) defisit neurologi berbilang yang menyebabkan kecacatan fungsi motor dan deria untuk tempoh yang berterusan sekurang-kurangnya enam (6) bulan; dan
 - (iii) sejarah eksaserasi dan peredaan bagi simptom-simptom yang disebut dan defisit neurologi yang didokumenkan dengan baik.
- (35) "Distrofi Otot" : Diagnosis muktamad Distrofi Otot oleh pakar neurologi dan mestilah disokong oleh kesemua berikut:
- (i) penampilan klinikal kelemahan otot yang progresif;
 - (ii) tiada penglibatan saraf tengah/ periferal sebagai bukti untuk kehilangan gangguan sensor; dan
 - (iii) hasil penemuan ciri-ciri elektromiogram dan biopsi otot.
- Tiada manfaat akan dibayar di bawah Peristiwa Dilindungi sebelum Peserta/Orang yang Dilindungi mencapai umur 12 tahun tarikh lahir berikutnya.
- (36) "Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan" : Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (hanya jika Peserta/Orang yang Dilindungi merupakan Kakitangan Perubatan seperti takrif di bawah), yang berlaku akibat kemalangan semasa menjalankan tugas pekerjaan yang biasa, apabila penukaran serum (seroconversion) kepada jangkitan HIV berlaku dalam tempoh enam (6) bulan daripada kemalangan. Sebarang kemalangan yang mungkin menyebabkan tuntutan mestilah dilaporkan kepada Kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada kemalangan yang berlaku serta disokong dengan ujian HIV negatif yang dijalankan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada kemalangan tersebut.
- "Kakitangan Perubatan" ditakrifkan sebagai doktor (Doktor Perubatan Am dan Pakar), pengamal perubatan tradisional, jururawat, paramedik, juruteknik makmal, doktor pergigian, jururawat pergigian, pekerja ambulans yang bekerja di pusat perubatan atau hospital atau klinik/poliklinik pergigian di Malaysia. Doktor, pengamal perubatan tradisional, jururawat dan doktor pergigian mestilah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
- (37) "Kelumpuhan Anggota" : Hilang penggunaan penuh, kekal dan tidak boleh pulih kedua-dua tangan atau kedua-dua kaki, atau satu tangan dan satu kaki, akibat lumpuh disebabkan oleh penyakit atau kecederaan. Tempoh Penilaian

- minimum selama enam (6) bulan adalah diguna pakai.
- (38) "Penyakit Parkinson – Mengakibatkan Ketidakupayaan Kekal untuk Melakukan Aktiviti Kehidupan Harian" : Diagnosis muktamad Penyakit Parkinson oleh pakar neurologi di mana semua keadaan berikut dipenuhi:
- (i) tidak boleh dikawal dengan ubat-ubatan;
 - (ii) menunjukkan tanda-tanda kemerosotan progresif; dan
 - (iii) pengesahan ketidakupayaan kekal Peserta/Orang yang Dilindungi untuk melakukan tiga (3) atau lebih daripada Aktiviti Kehidupan Harian tanpa bantuan.
- Hanya penyakit Parkinson idiopatik sahaja yang dilindungi. Parkinson yang disebabkan oleh ubat-ubatan atau toksik adalah tidak dilindungi.
- (39) "Poliomielitis" : Poliomielitis berlaku apabila keadaan berikut dipenuhi:
- Virus polio dikenal pasti sebagai punca,
 - Kelumpuhan otot anggota badan atau otot pernafasan mestilah berlaku dan berterusan sekurang-kurangnya selama tiga (3) bulan.
- (40) "Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – Keterukan Tertentu" : Diagnosis muktamad hipertensi pulmonari primer dengan pembesaran ketara ventrikel kanan yang ditentukan menerusi penyiasatan termasuk kateter jantung, yang menyebabkan kecacatan fizikal kekal sehingga tahap sekurang-kurangnya klasifikasi Kelas III Persatuan Jantung New York (NYHA) bagi kerosakan jantung.
- Hipertensi arteri pulmonari disebabkan oleh sebab-sebab lain adalah dikecualikan daripada manfaat ini.
- Klasifikasi NYHA bagi Kerosakan Jantung untuk Kelas III dan Kelas IV bermaksud seperti berikut:
- Kelas III: Aktiviti fizikal yang terhad. Selesa ketika rehat, tetapi aktiviti yang kurang daripada kebiasaan akan menyebabkan simptom-simptom.
- Kelas IV: Tidak boleh terlibat dalam apa jua aktiviti fizikal tanpa merasa tidak selesa. Simptom-simptom mungkin muncul walaupun ketika rehat.
- (41) "Skleroderma Progresif" : Penyakit vaskular-kolagen sistemik yang menyebabkan penyebaran fibrosis dengan progresif dalam kulit, saluran darah dan organ viseral. Diagnosis ini mestilah disokong jelas dengan bukti biopsi dan serologi serta gangguan tersebut mestilah telah mencapai perkadaran sistemik yang melibatkan jantung, paru-paru atau buah pinggang.
- Perkara berikut dikecualikan:
- (a) Skleroderma setempat (skleroderma linear atau morfea);
 - (b) Eosinifili fasitis; dan
 - (c) Sindrom CREST.
- (42) "Penyakit Anjing Gila" ("Rabies") : Jangkitan virus Rabies yang berkaitan dengan tanda dan gejala Rabies berikut, iaitu fasikulasi otot, delirium, psikosis, sawan dan afasia.
- Manfaat ini tidak akan dibayar jika Orang yang Dilindungi hanya menjalani vaksinasi pascapaparan proaktif tanpa mengalami gejala yang disebutkan di atas.

- (43) "Penyakit Arteri Koronari Serius" : Penyempitan lumen bagi Arteri Koronari Kanan (RCA), Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Arteri Sirkumfleks (tidak termasuk cabang-cabang), berlaku pada masa yang sama dengan minimum enam puluh peratus (60%) dalam setiap arteri seperti yang dibuktikan oleh arteriografi koronari (prosedur diagnostik bukan invasif adalah tidak dilindungi). Penyempitan sebanyak enam puluh peratus (60%) atau lebih pada Stem Utama Kiri akan dianggap sebagai penyempitan Anterior Kiri Arteri Menurun (LAD) dan Areteri Sirkumfleks. Kejadian yang Dilindungi akan dibayar tidak mengira samada sebarang bentuk pembedahan arteri koronari telah dijalankan atau tidak.
- (44) "Sindrom Eisenmenger yang Teruk" : Sindrom Eisenmenger bermaksud berlakunya shunt terbalik atau dua arah sebagai akibat daripada hipertensi pulmonari, yang disebabkan oleh gangguan jantung.
- Semua kriteria berikut mesti dipenuhi:
- (i) Kehadiran kecacatan fizikal kekal yang diklasifikasi sebagai NYHA IV;
 - (ii) Diagnosis Sindrom Eisenmenger dan tahap kecacatan fizikal perlu disahkan oleh pakar kardiologi.
- Klasifikasi NYHA untuk gangguan jantung bagi Kelas III dan Kelas IV adalah berikut:-
- | | |
|-----------|--|
| Kelas I | : Tiada limitasi aktiviti fizikal. Aktiviti fizikal biasa tidak menyebabkan keletihan berlebihan, dispnea, atau sakit angina. |
| Kelas II | : Sedikit limitasi aktiviti fizikal. Aktiviti fizikal biasa menyebabkan simptom. |
| Kelas III | : Limitasi fizikal yang ketara. Selesa pada keadaan berehat tetapi aktiviti kurang daripada biasa akan menyebabkan gejala. |
| Kelas IV | : Tidak dapat melibatkan diri dalam sebarang aktiviti fizikal tanpa rasa ketidakselesaan. Gejala mungkin hadir walaupun dalam keadaan berehat. |
- (45) "Hemofilia yang Teruk" : Orang yang Dilindungi mesti menghidap dari hemofilia teruk A (kekurangan VII) atau hemofilia B (kekurangan IX) dengan faktor VII atau faktor IX tahap aktiviti kurang dari satu peratus (1%). Diagnosis hendaklah disahkan oleh pakar hematologi yang berkelayakan. Penyakit-koagulasi selain hemofilia A (kekurangan VII) atau hemofilia B (kekurangan IX) tidak dilindungi.
- (46) "Strok/Angin Ahmar – Mengakibatkan Defisit Neurologi Kekal dengan Simptom-Simptom Klinikal Berterusan" : Kematian tisu otak akibat bekalan darah yang tidak cukup, pendarahan dalam tengkorak atau embolisasi dari satu sumber selain dari kranium yang mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan. Diagnosis ini mesti berdasarkan kepada perubahan yang boleh dilihat pada imbasan CT atau MRI dan disahkan oleh seorang pakar neurologi. Tempoh Penilaian minimum selama tiga (3) bulan adalah diguna pakai.

Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:

- (i) serangan iskemia sementara (TIA);

- (ii) simptom-simptom serebral yang disebabkan oleh migraine;
 - (iii) kecederaan traumatis pada tisu otak atau salur-salur darah; dan
 - (iv) penyakit vaskular yang memberi kesan terhadap mata atau saraf optik atau fungsi-fungsi vestibular.
- (47) "Pembedahan Aorta" : Menjalani pembedahan menerusi torakotomi atau laparotomi (pembedahan bukaan dada atau abdomen) untuk membetulkan aneurisme aorta, sekatan aorta atau pembelahan aorta. Untuk definisi ini, aorta hendaklah bermaksud aorta di bahagian dada dan abdomen tetapi bukan cabangnya.
- Untuk definisi di atas, berikut adalah tidak dilindungi:
- (i) angioplasti;
 - (ii) lain-lain kaedah intra-arteri atau teknik berdasarkan kateter;
 - (iii) prosedur lubang kunci yang lain; dan
 - (iv) prosedur laser.
- (48) "Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk" : Diagnosis muktamad Lupus Eritematosus Sistemik yang disahkan oleh pakar reumatologi.
- Untuk definisi ini, Kejadian yang Dilindungi akan dibayar jika ia mengakibatkan Lupus Nefritis Jenis III hingga Jenis V, yang dibuktikan oleh biopsi ginjal. Bentuk lain seperti lupus diskoid, atau jenis lain dengan hematologi atau penglibatan sendi sahaja adalah tidak dilindungi.
- Klasifikasi Lupus oleh WHO:
- Jenis III: Glomerulonefritis Segmen Fokus
 - Jenis IV: Glomerulonefritis Resap
 - Jenis V: Glomerulonefritis bermembran
- (49) "Penyakit Terminal (Membawa Maut)" : Diagnosis muktamad suatu keadaan yang dijangka akan mengakibatkan kematian Peserta/Orang yang Dilindungi dalam tempoh dua belas (12) bulan. Peserta/Orang yang Dilindungi mestilah tidak lagi menerima rawatan aktif selain daripada penahan sakit. Diagnosis mestilah disokong dengan pengesahan bertulis daripada pakar yang bersesuaian dan disahkan doktor yang dilantik oleh Kami.
- (50) "Kelecuran Tahap Ketiga – Keterukan Tertentu" : Leuceran kulit tahap ketiga (iaitu ketebalan penuh) meliputi sekurang-kurangnya dua puluh peratus (20%) daripada jumlah kawasan permukaan badan.

10. Fasal 35 **REMEDI UNTUK SALAH NYATA** dipinda dan digantikan dengan berikut:

35.2 Kami boleh membatalkan Sijil, jika berlaku sebarang Salah Nyata yang dilakukan oleh Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi sebelum kontrak dibuat berkaitan dengan semua Maklumat Penting ketika memohon Sijil ini, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan sebagai:-

35.5 Jika Sijil ini dikeluarkan atau diperbaharui menurut Fasal 35.2.3 di atas, Kami, boleh:

11. Fasal 37 **PENAMATAN** dipinda dan digantikan dengan berikut:

37.1 Kita berhak menamatkan Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk, mengikut kes yang berkenaan, bagi mana-mana kejadian berikut:-

37.4 Kami berhak menganggap Sijil ini ditutup bagi permohonan masa depan pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu kepada Pemegang Sijil Induk. Tiada permohonan yang diterima oleh Kami akan diproses atau diterima oleh Kami selepas notis tiga (3) bulan tersebut tamat tempoh.

12. Fasal 40 **NOTIS DAN SURAT-MENYURAT** dipinda dan digantikan dengan berikut:

40.3 Dengan syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal-fasal 40.1 dan 40.2 di atas, dalam hal apabila sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat dikembalikan semula selepas Kami telah membuat sekurang-kurangnya dua (2) percubaan berturut-turut untuk menyerahkannya kepada Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi. Kami boleh menahan semua notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat seterusnya, atas risiko Pemegang Sijil Induk dan/atau Orang yang Dilindungi sendiri, sehingga Kami telah diberitahu oleh Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi mengenai alamat surat-menyurat atau alamat e-mel atau nombor telefon bimbit baru Pemegang Sijil Induk atau Orang yang Dilindungi.

Semua terma dan syarat Sijil lain akan kekal tidak berubah.